

"DARI Abi Hurairah Radiallahuanha, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Barang siapa beriman dengan Allah dan Hari Akhirat, maka hendaklah ia memuliakan tetamunya".

(Hadis Riwayat Al-Imam Al-Bukhari)

JBP, JABATAN PENJARA ADAKAN MAJLIS MEMBACA SURAH YAA SIIN, BERTAHLIL

Oleh : Wan Mohamad Sahran
Wan Ahmadi
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 31 Mac. - Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) dan Jabatan Penjara secara berkolaborasi mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Bertahlil di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, hari ini.

Majlis berkenaan adalah khusus bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta paduka anakanda baginda, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

>> Muka 3



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir mengetuai rombongan Jabatan Bomba dan Penyelamat, dan Jabatan Penjara pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Bertahlil di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong.

Memperkukuh kerjasama strategik, silaturahmi Kehakiman Syariah NBD, Negeri Kelantan

■ Siaran Akhbar : Jabatan Kehakiman Negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 31 Mac. - Ketua Hakim Syarie Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Awang Haji Besar telah menerima

kunjungan hormat daripada Yang Amat Arif Ketua Hakim Syarie, Negeri Kelantan berserta rombongan delegasi ke Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam.

>> Muka 3

Manfaatkan bahan api bersubsidi secara berhemah bagi kegunaan domestik

■ Siaran Akhbar : Jabatan Tenaga

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 Mac. - Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri telah mengemaskini kawalan pembelian Produk Petroleum (Gasoline, Diesel, V Power Gasoline dan V Power Diesel) yang akan berkuatkuasa pada 1 April 2026.

Langkah ini diambil bagi melindungi bekalan api negara berikutan pergolakan geopolitik di Timur Tengah sejak akhir Februari 2026.

Semua kenderaan berpendaftaran asing yang memasuki Negara Brunei

Darussalam dikehendaki mempunyai sekurang-kurangnya tiga suku (¾) tangki penuh bahan api semasa kemasukan. Mana-mana kenderaan yang tidak memenuhi syarat ini tidak akan dibenarkan masuk ke Negara Brunei Darussalam kecuali bagi kenderaan kerajaan rasmi yang diberikan pengecualian.

Kenderaan berpendaftaran asing hanya dibenarkan membeli bahan api Shell V-Power Gasoline atau Shell V Power Diesel sahaja di stesen minyak yang menjual produk tersebut pada kadar pasaran semasa.

>> Muka 4

6 individu ditahan jalankan kegiatan dinilai menjejaskan keselamatan negara

■ Siaran Akhbar :
Jabatan Keselamatan Dalam Negeri

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 Mac. - Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN) telah mengenakan Perintah Tahanan di bawah Bab 3(1) (a) Akta Keselamatan Dalam Negeri, Penggal 133 ke atas enam individu rakyat tempatan kerana menjalankan kegiatan - kegiatan yang dinilai menjejaskan keselamatan negara.

Hasil siasatan JKDN mendapati Mohammad Aizan bin Mat Zaini dan Haji Bahrum bin Haji Ludin yang keduanya berperanan sebagai ejen freelance yang tidak berdaftar telah bersekongkol dan bersubhat dengan empat orang Pegawai Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) iaitu Sohardi bin Samad, Haji Jaludin bin Haji Jumat, Ramli bin Haji Abu Bakar dan Mohammad Faizal bin Haji Ishak dalam melakukan kegiatan yang menyalahi undang-undang negara dan peraturan-peraturan JIPK.

>> Muka 10



Berita Utama



MEMPERKUKUH kerjasama serantau ASEAN dalam usaha pemuliharaan, pemulihan ekosistem
Muka 4

Kayuh Selamat, Sampai Selama

Langkah-langkah keselamatan untuk penunggang basikal:



PERTINGKATKAN tahap keselamatan, waspada ketika berada di jalan raya
Muka 7



GANGGUAN bekalan elektrik akibat percubaan curi kabel bawah tanah
Muka 17



RENCANA
74 tahun Jabatan Penerangan membarigakan maklumat
Muka 20

MEMUPUK, MEMPERKASA KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN WANITA

Oleh : Aimi Sani
Foto : Azmah Haji Ahad

JERUDONG, Selasa, 31 Mac. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) hari ini mengadakan Sambutan Hari Raya Aidilfitri berserta Majlis Penyampaian Sijil kepada peserta kohort ketujuh Program Skim Pembangunan dan Pemberdayaan Keusahawanan Khas (BIBD SEED).

Turut hadir pada Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung di Dewan Indera Samudra, The Empire Brunei, Jerudong berkenaan ialah pelajar-pelajar BIBD Advocating Life-Long Learning for Aspiring Future (BIBD ALAF) dan ahli keluarga masing-masing.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BIBD.

Seramai 13 peserta daripada kohort ketujuh program BIBD SEED telah menamatkan latihan intensif selama enam bulan yang dikendalikan oleh pihak pengurusan BIBD SEED. Bagi menandakan kejayaan program berkenaan, tetamu kehormat majlis turut menyampaikan geran perniagaan kepada para penerima untuk menyokong peringkat seterusnya dalam usaha keusahawanan mereka.

Pada acara berkenaan, para peserta turut mempamerkan pelbagai produk seperti perkhidmatan jahitan serta sambal ijo belado, rendang daging dan nasi ayam belado, maruku, keropok ketam dan ikan, biskut dan brownies, shepherd's pie dan makaroni keju, takoyaki dan roti



keju, goreng pisang dan nasi kambing, popia dan roti shawarma, kelupis dan pulut berinti, kentang goreng berempah dan koktel jeli, ayam pandan dan nasi ayam paprik, nachos dan mojito serta kebab dan roti sosej.

Semasa latihan, para peserta juga mendapat pendedahan dengan menjual produk mereka di pasar pop-up, cawangan Tunas di beberapa bangunan kementerian dan acara pengguna yang lain.

Program BIBD SEED ialah inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) BIBD yang bertujuan untuk memupuk dan memperkasa keusahawanan dalam kalangan wanita yang kurang bemasib baik serta memperkukuh daya tahan ekonomi.

Sejak penubuhannya pada Ogos 2018, program BIBD SEED telah memperkasa seramai 66 peserta, dengan 51 daripadanya telah tamat pengajian, dengan 34 sedang aktif melengkapkan mereka dengan pengetahuan perniagaan yang penting untuk menyumbang secara bermakna kepada ekonomi Negara Brunei Darussalam (NBD) yang

dinamik. Beberapa peserta kini telah mencapai pertumbuhan perniagaan yang ketara, membolehkan mereka menunaikan kewajipan zakat dan menggaji pekerja untuk menguruskan operasi mereka.

Pada 2025, sebagai sebahagian daripada pengambilan kohort ketujuh, seramai 13 peserta yang mewakili pelbagai agensi dan orang awam telah menyertai program berkenaan. Mereka menjalani proses pemilihan yang ketat melibatkan sesi temu duga dan pembentangan produk sebelum mengikuti Bootcamp intensif selama lima hari, sebagai peringkat pertama dalam program selama enam bulan berkenaan.

Bagi BIBD ALAF pula, sejak diperkenalkan pada 2013, ia telah menyediakan bantuan kewangan, bimbingan, serta sokongan holistik kepada lebih 338 pelajar kurang bemasib baik, sekali gus memperkasa mereka untuk mencapai aspirasi akademik dan membina masa depan yang lebih cerah.

Program berkenaan mencerminkan komitmen BIBD



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BIBD semasa hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas dan atas kiri).

untuk menegakkan Maqasid Al-Syariah, selain menyokong Wawasan Brunei 2035, serta menyumbang kepada Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa - bangsa Bersatu terutamanya matlamat satu (tiada kemiskinan) dan matlamat empat (pendidikan berkualiti).

Acara Hari Raya tahunan ini bukan sahaja memperkukuh hubungan erat BIBD dengan komuniti, malah menekankan dedikasinya untuk memupuk generasi akan datang melalui pendidikan dan keusahawanan.

BIBD ALAF terus menjadi simbol harapan dan peluang kepada keluarga di seluruh NBD,

mencerminkan peranan BIBD sebagai rakan kongsi yang teguh dalam pembinaan negara dan pemeriksa komuniti.

Juga hadir, ialah Ahli-ahli Lembaga Pengarah BIBD, Badan Penasihat Syariah BIBD, pegawai-pegawai kanan kerajaan dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Kementerian Pendidikan, Rakan Selaian Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) serta Persatuan Aftercare Support Association (AFSA) di bawah KHEDN, pengurusan kanan BIBD, ahli-ahli pasukan petugas BIBD ALAF serta pihak-pihak berkepentingan lain.

WAKTU SEMBAHYANG

APRIL MASHIHI	HARI	SYAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
1	RABU	12	4.52	5.02	6.19	6.42	12.25	3.26	6.29	7.38
2	KHAMIS	13	4.52	5.02	6.19	6.41	12.25	3.25	6.29	7.38
3	JUMAAT	14	4.51	5.01	6.19	6.41	12.25	3.25	6.29	7.38
4	SABTU	15	4.51	5.01	6.18	6.40	12.24	3.26	6.29	7.38
5	AHAD	16	4.50	5.00	6.18	6.40	12.24	3.26	6.29	7.38
6	ISNIN	17	4.50	5.00	6.17	6.40	12.24	3.27	6.28	7.38
7	SELASA	18	4.49	4.59	6.17	6.39	12.24	3.27	6.28	7.38

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

	RABU	KHAMIS	JUMAAT
Bandar Seri Begawan	32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C
Pekan Bangar	32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C
Pekan Tutong	32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C
Kuala Belait	32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C

Wallahuallah Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG

1 APRIL 2026

Kepentingan penggunaan AI secara beretika

KECERDASAN Buatan (AI) merujuk kepada kemampuan mesin atau komputer meniru tingkah laku serta pemikiran manusia seperti diperkatakan masa kini. Ini bermakna mesin boleh menyelesaikan masalah, membuat keputusan dan belajar daripada data tanpa memerlukan pengawasan manusia secara berterusan.

Dalam erti kata lain, mesin berupaya menafsir data dikumpul dengan betul, belajar daripada data itu dan menggunakannya untuk mencapai matlamat dan tugas tertentu melalui penyesuaian fleksibel.

Oleh itu, manusia harus bijak menimbang adakah penggunaan AI akan memanfaatkan kehidupan manusia sejagat dan bagaimana harus ia digunakan supaya manusia boleh hidup dengan teknologi ini secara aman. Ini pemahaman kepentingan penggunaan AI secara beretika.

Etika AI merujuk kepada prinsip dan garis panduan mengawal pembangunan serta penggunaan AI secara bertanggungjawab. Perubahan disebabkan AI yang pantas ini menimbulkan kebimbangan etika mendalam.

Ini timbul daripada potensi sistem AI perlu membenamkan maklumat berat sebelah, menyumbang kepada kemerosotan iklim, mengancam hak asasi manusia dan banyak lagi.

Antara isu etika sering dikaitkan dengan penggunaan AI ialah hak privasi dan perlindungan data. Ini merangkumi kutipan dan penggunaan data yang mana sistem AI mengumpul data peribadi dan tingkah laku manusia. Justeru, penting untuk mendapatkan persetujuan dan bersikap telus bagaimana data ini digunakan.

Melindungi maklumat peribadi juga penting yang mana teknik seperti anonimasi data dan penyulitan membantu melindungi data peribadi sensitif.

Ketelusan dan akauntabiliti merujuk kepada keadaan di mana sistem AI mesti telus mengenai cara mereka menggunakan data. Tadbir urus dan pengawasan memainkan peranan penting dalam memastikan akauntabiliti.

Secara amnya, terdapat empat nilai teras yang menjadi asas untuk sistem AI berfungsi demi kebaikan manusia iaitu individu, masyarakat dan alam sekitar. Dalam erti kata lain, negara tetap memerlukan pekerja berkemahiran tinggi untuk menguruskan sistem penyelenggaraan AI, Internet of Things (IoT) dan seumpamanya.

Oleh yang demikian, manusia tidak perlu bimbang dengan kewujudan AI. Seiring dengan perubahan zaman, juga manusia tidak boleh menafikan kepentingan teknologi AI. Teknologi AI kini semakin berinovasi. Banyak tugas manusia mula diambil alih teknologi digital dengan kewujudan AI generatif seperti ChatGPT.

Bagaimanapun, ini tidak sekali-kali bermakna manusia tidak lagi diperlukan tetapi keseimbangan perlu diwujudkan antara teknologi AI dan akal fikiran manusia untuk negara menangani cabaran teknologi AI yang sentiasa berubah. - **Ketua Penyuntingan (Zk)**

MEMPERKUKUH KERJASAMA STRATEGIK, SILATURAHIM KEHAKIMAN SYARIAH NBD, NEGERI KELANTAN

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kehakiman Negara

>> Muka 1

Turut mengiringi lawatan Yang Amat Arif Ketua Hakim Syarie, Negeri Kelantan ialah Hakim Kanan Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Kelantan, Yang Arif Tuan Haji Zaini bin Sulaiman.

Turut hadir menyambut kunjungan hormat Yang Amat Arif Ketua Hakim Syarie, Negeri Kelantan berserta rombongan delegasi ialah Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Yang Arif Dato Seri Setia Haji Johar bin Haji Muhamad; Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Pemangku Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah, Pemangku Pengarah Jabatan Kehakiman Negara, pegawai-pegawai Mahkamah-mahkamah Syariah, Negara Brunei Darussalam.

Semasa kunjungan, rombongan berkesempatan mendengarkan taklimat yang disampaikan oleh Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah, Awang Arif bin Haji Sabtu.

YANG Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie Negara Brunei Darussalam ketika menerima kunjungan hormat daripada Yang Amat Arif Ketua Hakim Syarie, Negeri Kelantan berserta rombongan delegasi ke Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam (atas kanan dan kanan).

Setelah sesi kunjungan hormat, satu sesi Diskusi Dua Hala Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan dengan Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam yang dipengerusikan oleh Yang Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie, Negara Brunei Darussalam.

Yang Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie,

Negara Brunei Darussalam amat berbesar hati dan menzahirkan penghargaan di atas kunjungan hormat ini.

Di dalam pertemuan ini diharap akan dapat memperkukuh hubungan kerjasama strategik serta hubungan silaturahim antara Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan dengan Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam berkaitan dengan perundangan kehakiman Syariah.



JBP, Jabatan Penjara adakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Bertahlil



SEKITAR Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Bertahlil di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong yang dianjurkan bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Penubuhan JBP Ke-66, dan memperingati penubuhan Jabatan Penjara Ke-72 Tahun bagi Tahun 2026 (atas dan kanan).

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohammad Hasif Matzin



Yasin bersama dengan 150 anggota dari JBP serta 100 anggota dari Jabatan Penjara yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai, anggota serta kakitangan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin, diikuti dengan Tahlil dan Doa Arwah yang dipimpin oleh Penolong Kaunselor Penjara, Awang Fariszal bin Ali.

Majlis keagamaan berkenaan dianjurkan bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Penubuhan JBP Ke-66, dan memperingati penubuhan Jabatan Penjara Ke-72 Tahun bagi Tahun 2026.

Adapun penganjuran majlis keagamaan berkenaan adalah sebagai tanda penghormatan dan mengenang jasa Al-Marhum dan Al-Marhumah di samping memohon keberkatan serta kesejahteraan negara.

Selain itu, ia juga mencerminkan komitmen JBP dan Jabatan Penjara dalam menghayati nilai-nilai keagamaan dan memperkukuh semangat kebersamaan dalam kalangan warga jabatan.

>> Muka 1

Hadir mengetuai rombongan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Turut hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap di

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), ketua-ketua jabatan, penghulu mukim, ketua kampung, pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan - jabatan di bawahnya.

Hadir sama, Pemangku Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Azmi bin Haji Hafneh; dan Pengarah Penjara, Awang Bahrin bin Mohammad

Selamatkan Usus Awd.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

DELEGASI NBD SERTAI PROGRAM SEP4SCHOOL, SEP STUDENT CAMP

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

BERAKAS, Isnin, 30 Mac. - Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menyelaraskan penyertaan NBD dalam Program SEP4School dan SEP Student Camp yang dianjurkan oleh SEAMEO Regional Centre for Sufficiency Economy Philosophy for Sustainability (SEPS).

Kedua-dua program ini akan dilaksanakan secara serentak di Songkhla, Thailand selama lima hari, bermula dari 31 Mac hingga 4 April 2026.

Program ini menghimpunkan pelajar, guru serta pengetua sekolah daripada Negara-negara Ahli SEAMEO, termasuk Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea.

Sehubungan itu, seramai enam orang delegasi dari Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatol Bolkiah, Lumut yang terdiri daripada empat orang pelajar, seorang guru pengiring dan pengetua sekolah berkenaan berlepas meninggalkan NBD bagi menyertai program berkenaan.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) untuk mengucapkan selamat belayar kepada para delegasi ialah Pemangku Pengarah Sekolah-Sekolah, Dr. Eddy Fazlin bin Haji Amdan.

Bertemakan 'Cultural Heritage and Sufficiency Economy Philosophy (SEP) : Inclusive Growth, Resilience and Community Well-Being', program ini berperanan sebagai platform dinamik bagi pertukaran ilmu, pembangunan kepimpinan serta penglibatan belia dalam isu warisan budaya dan kelestarian.

Melalui mengintegrasikan prinsip Falsafah Ekonomi Mampan dengan amalan tindakan iklim yang praktikal, program ini turut bertujuan memperkukuh budaya kelestarian dalam komuniti sekolah.

Melalui program ini, para peserta dijangka pulang dengan ilmu baharu, kemahiran praktikal serta semangat yang diperbaharui untuk menerapkan pemikiran lestari di institusi masing-masing.

Di samping memperluas pengetahuan, program ini turut memupuk nilai kewarganegaraan global, menggalakkan kerjasama rentas negara serta membina jaringan persahabatan dalam kalangan pelajar daripada pelbagai latar belakang budaya dan negara.

Ketika ditemui, Pegawai Pendidikan di Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatol Bolkiah, Lumut, Dayang Suraya binti Haji Abdullah yang juga selaku guru pengiring dan peserta menjelaskan, program berkenaan dihasrat untuk mendidik penuntut menjaga warisan negara, mempromosi pelancongan berfokus kepada budaya dan penglibatan usaha-usaha tempatan yang kecil dalam industri pelancongan yang seterusnya menyumbang kepada ekonomi yang mampan.

Beliau berharap untuk dapat meraih ilmu yang bermanfaat daripada program berkenaan yang seterusnya boleh digunakan untuk menyumbang kepada industri pelancongan dan ekonomi yang mampan.

Manakala, salah seorang pelajar yang menyertai program



DAYANG Suraya binti Haji Abdullah dan Awang Mohd. Aqiel Irfan bin Mohd. Azmir semasa ditemu bual (kiri dan kanan).

tersebut, Awang Mohd. Aqiel Irfan bin Mohd. Azmir dari Tahun 10 berharap melalui program berkenaan, beliau dapat mempertingkatkan kemahiran dalam pengucapan awam, di samping berusaha menentengahkan keunikan warisan dan kebudayaan NBD kepada khalayak yang lebih luas.

Beliau turut membawa beberapa barangan tradisi antaranya candas serta cenderamata dari NBD, sebagai usaha memperkenalkan identiti dan nilai budaya tempatan.

Menurutnya, warisan dan tradisi NBD adalah sesuatu yang amat mengagumkan kerana keupayaannya untuk terus kekal dan bertahan merentasi peredaran zaman, meskipun

mengalami perubahan selaras dengan perkembangan semasa.

"Walaupun terdapat perubahan, tradisi yang diwarisi tetap dipelihara dan terus menjadi teras kepada identiti negara," ujarnya.

Beliau seterusnya menekankan kepentingan usaha berterusan dalam memelihara dan memulihara warisan tersebut, khususnya dalam mendidik golongan kanak-kanak dan generasi muda agar lebih mengenali serta menghargai budaya sendiri.

Turut hadir di LTAB ialah Pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan dari Jabatan Sekolah-Sekolah dan Pusat Keusahawanan Inovasi (EIC) serta ibu bapa dan ahli keluarga pelajar.

Memperkukuh kerjasama serantau ASEAN dalam usaha pemuliharaan, pemulihan ekosistem



SESI bergambar ramai bersama para peserta pada Projek Enhancing Conservation and Restoration of Wetlands and Peatlands in ASEAN as Effective Sinks and Reservoirs of Greenhouse Gases (EnCORE Wetlands Project) yang dianjurkan oleh ASEAN Centre for Biodiversity (ACB) selama tiga hari.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Ihsan Jabatan Perhutanan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 Mac. - Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-sumber Utama dan Pelancongan menjadi tuan rumah bagi program Experiential Learning Exchange (ELE) di bawah Projek Enhancing Conservation and Restoration of Wetlands and Peatlands in ASEAN as Effective Sinks and Reservoirs of Greenhouse Gases (EnCORE Wetlands Project) yang dianjurkan oleh ASEAN Centre for Biodiversity (ACB) yang berlangsung selama tiga hari bermula hari ini,

bertempat di Radisson Hotel, Bandar Seri Begawan, di sini.

Projek berkenaan dihadiri oleh seramai kurang lebih 40 peserta, terdiri daripada wakil Negara - negara Anggota ASEAN, ASEAN Centre for Biodiversity serta agensi-agensi berkepentingan di NBD, termasuk Jabatan Perhutanan, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), Jabatan Kerja Raya, Jabatan Muzium-muzium dan Universiti Brunei Darussalam.

Sebagai sebahagian daripada program tersebut, para peserta akan mengadakan lawatan

lapangan ke Taman Warisan Tasek Merimbun, Hutan Paya Gambut Badas dan Taman Rekreasi Hutan Pulau Selirong bagi melihat secara langsung amalan pengurusan dan pemulihan ekosistem tanah gambut serta hutan bakau di NBD.

Program berkenaan menyediakan platform perkongsian pembelajaran secara rakan-ke-rakan (*peer-to-peer learning*) antara negara-negara ASEAN untuk berkongsi pengalaman, pengetahuan serta amalan terbaik dalam pengurusan kawasan tanah gambut dan hutan bakau secara mampan, yang memainkan peranan penting dalam pemuliharaan

Manfaatkan bahan api bersubsidi secara berhemah bagi kegunaan domestik

■ **Siaran Akhbar : Jabatan Tenaga**

>> Muka 1

Bagi kenderaan berpendaftaran Negara Brunei Darussalam yang kembali dari luar negara, syarat tiga suku ($\frac{3}{4}$) tangki tidak dikenakan bagi kemasukan pertama.

Walau bagaimanapun, bagi kemasukan kedua dan seterusnya dalam tempoh 24 jam, syarat tersebut akan dikuatkuasakan sepenuhnya.

Semua stesen minyak di Negara Brunei Darussalam juga dikehendaki bagi mempertingkatkan lagi langkah-langkah pengesahan, termasuklah pemeriksaan nombor pendaftaran kenderaan.

Tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak yang cuba menggunakan nombor pendaftaran palsu atau yang diubah suai.

Pemantauan dan penguatkuasaan akan dilaksanakan secara aktif oleh pihak-pihak yang berkuasa.

Langkah-langkah ini adalah mandatori dan merupakan sebahagian daripada usaha berterusan kerajaan untuk memastikan bahan api bersubsidi digunakan secara berhemah bagi kegunaan domestik serta memelihara ketertahanan tenaga negara.

Orang ramai dan semua pemilik kenderaan adalah dinasihatkan untuk mematuhi peraturan ini dan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pihak berkuasa yang berkenaan.

biodiversiti dan usaha mitigasi perubahan iklim.

Di samping itu, satu latihan Framework for Ecosystem Restoration and Monitoring (FERM) diadakan pada 28 Mac 2026 bagi meningkatkan kapasiti pegawai - pegawai berkaitan dalam penggunaan platform digital global bagi pemantauan dan pelaporan usaha pemulihan ekosistem.

Penganjuran program dijangka dapat memperkukuh kerjasama serantau ASEAN dalam usaha pemuliharaan dan pemulihan ekosistem tanah gambut dan hutan bakau, di samping meningkatkan pertukaran pengetahuan serta pengalaman antara

negara-negara anggota.

Bagi NBD, program berkenaan turut memberi peluang untuk menentengahkan pengalaman dan amalan terbaik negara dalam pengurusan hutan secara mampan, pemuliharaan biodiversiti serta pengurusan ekosistem tanah gambut dan hutan bakau yang kaya karbon, sekali gus memperkukuh peranan negara dalam kerjasama serantau berkaitan perubahan iklim dan biodiversiti.

Program dianjurkan oleh ASEAN Centre for Biodiversity dengan sokongan UK Mission to ASEAN melalui ASEAN-UK Green Transition Fund.

INDEKS VOLUM EKSPORT MENINGKAT SEBANYAK 9.3 PERATUS


BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 Mac. - Indeks volum eksport meningkat sebanyak 9.3 peratus berbanding suku tahun keempat (Q4) 2024 terutamanya disumbangkan oleh Bahan Api Galian (9.8 peratus) khususnya produk-produk petroleum; Bahan Kimia (6.7 peratus); dan Barang-Barang Keluaran Kilang (4.4 peratus).

Walau bagaimanapun, jumlah nilai eksport menurun sebanyak 1.1 peratus, kepada BND3,368.7 juta, berbanding BND3,368.7 juta pada Q4 2024, berikutan penurunan indeks nilai unit eksport (2.6 peratus). Penurunan ini adalah terutamanya didorong oleh Makanan (9.3 peratus) terutamanya ikan, sayur-sayuran dan buah-buahan; Bahan Kimia (6.0 peratus); dan Pelbagai Barang Keluaran Kilang (4.4 peratus).

Bagi tahun 2025, jumlah nilai eksport menurun sebanyak 10.5 peratus, didorong oleh penurunan indeks nilai unit eksport (12.8 peratus) dan indeks volum eksport (2.1 peratus). Penurunan pada indeks nilai unit eksport disumbangkan oleh Bahan Api Galian, Bahan Kimia, dan Jentera dan Kelengkapan Pengangkutan. Manakala, penurunan indeks volum eksport disumbangkan oleh Jentera dan Kelengkapan Pengangkutan, Pelbagai Barang Keluaran Kilang, dan Bahan-Bahan Mentah Tidak Boleh Dimakan.

Jumlah nilai import pada suku tahun keempat (Q4) 2025 mencatatkan peningkatan sebanyak 5.8 peratus kepada BND2,253.9 juta berbanding BND2,129.6 juta pada Q4 2024.

INDEKS PERDAGANGAN BARANGAN ANTARABANGSA (IMTI) SUKU TAHUN KEEMPAT 2025



Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik


Peningkatan ini disebabkan oleh peningkatan indeks volum import (0.9 peratus) dan indeks nilai unit import (1.2 peratus).

Peningkatan pada indeks volum import disebabkan oleh Bahan Api Galian (5.5 peratus) terutamanya produk-produk petroleum; Jentera dan Kelengkapan Pengangkutan (2.3 peratus); dan Bahan Kimia (1.6 peratus).

Manakala, indeks nilai unit import meningkat disumbangkan oleh Pelbagai Barang Keluaran Kilang (9.2 peratus) khususnya instrumen dan peralatan profesional, saintifik, dan pengawalan; Bahan-Bahan Mentah Tidak Boleh Dimakan (2.8 peratus); dan Bahan Api Galian (2.0 peratus).

Jumlah nilai import bagi tahun 2025 mencatatkan penurunan

INDEKS PERDAGANGAN BARANGAN ANTARABANGSA (IMTI) TAHUNAN 2025



sebanyak 11.6 peratus, didorong oleh penurunan indeks nilai unit import (4.1 peratus) dan indeks volum import (2.8 peratus). Indeks nilai unit import menurun adalah disebabkan oleh Barang-Barang Keluaran Kilang, Bahan Api Galian, dan Bahan Kimia. Manakala, penurunan indeks volum import adalah didorong oleh Pelbagai Barang Keluaran Kilang, Bahan Kimia, dan Minuman.

Indeks Perdagangan Barangan Antarabangsa (IMTI) menunjukkan

perubahan nilai unit dan kuantiti komoditi import dan eksport di Negara Brunei Darussalam dalam tempoh tertentu. Indeks ini juga bermanfaat untuk membuat analisa pasaran global yang berdaya saing dalam mengukur dan membuat unjuran inflasi dan penyusunan akaun negara.

Laporan penuh IMTI bagi Q4 dan Tahunan 2025 boleh didapati melalui laman sesawang Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, <https://deps.mofe.gov.bn>.

Memelihara nilai Aidilfitri dalam arus perubahan



AMALAN seperti kunjung-mengunjungi, bermaafan, laungan takbir, Solat Sunat Aidilfitri secara berjemaah, pemberian duit raya kepada kanak-kanak serta menziarahi pusara pada pagi Syawal terus menjadi tradisi yang tidak terpisah daripada sambutan ini.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 31 Mac. - Sambutan Hari Raya Aidilfitri terus diraikan dengan mengekalkan tradisi, biarpun masyarakat kini berhadapan dengan perubahan gaya hidup moden yang semakin pesat.

Dalam arus kemajuan teknologi yang mempengaruhi kehidupan semasa, masih terdapat pelbagai amalan dan tradisi Aidilfitri yang terus dipertahankan yang mencerminkan keutuhan nilai budaya dalam kalangan umat

Islam.

Pada asasnya, Aidilfitri disambut sebagai tanda kemenangan setelah umat Islam berjaya menunaikan ibadah puasa sepanjang bulan Ramadan.

Ia juga merupakan lambang kegembiraan dan kesyukuran atas kejayaan menahan diri daripada perkara-perkara yang membatalkan puasa, memperbaiki akhlak serta mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Di samping itu, Aidilfitri memberikan kita peluang untuk mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan keluarga dan sahabat handai.

Sehubungan itu, amalan seperti kunjung - mengunjungi, bermaafan, laungan takbir, Solat Sunat Aidilfitri secara berjemaah, pemberian duit raya kepada kanak-kanak serta menziarahi pusara pada pagi Syawal terus menjadi tradisi yang tidak terpisah daripada sambutan ini.

Amalan-amalan tersebut yang telah sekian lama berakar dalam kehidupan masyarakat Islam di negara ini bukan sahaja menghidupkan suasana Aidilfitri tetapi juga berperanan mendidik generasi muda mengenai

kepentingan silaturahim dan berkongsi rezeki.

Meskipun perkembangan teknologi, termasuk media sosial, telah mengubah cara masyarakat berkomunikasi, tradisi kunjung-mengunjungi masih kekal diamalkan oleh sebahagian besar umat Islam.

Sementara itu, Solat Sunat Aidilfitri tetap menjadi tumpuan utama pada pagi Syawal dan dilaksanakan oleh umat Islam di seluruh dunia sebagai tanda kesyukuran dan penyatuan ummah.

Namun demikian, tidak dapat dinafikan terdapat juga beberapa tradisi yang kian terhakis akibat perubahan gaya hidup dan kepesatan teknologi.

Antaranya termasuk amalan menghantar kad raya fizikal, pemasangan pelita serta kebiasaan berkumpul bagi menunggu pengumuman Hari Raya yang kini semakin jarang dilakukan.

Sebaliknya, masyarakat hari ini lebih cenderung memanfaatkan aplikasi seperti Whatsapp, Instagram serta penggunaan kad ucapan digital yang lebih pantas dan praktikal.

Selain itu, penggunaan pelita tradisional kini semakin digantikan

dengan lampu LED serta pencahayaan moden yang lebih mudah dan efisien.

Maklumat mengenai penetapan Hari Raya pula kini dapat diperoleh dengan lebih pantas melalui media sosial dan aplikasi pesanan segera berbanding kaedah terdahulu.

Perbezaan generasi turut mempengaruhi cara sambutan Aidilfitri diraikan, apabila generasi terdahulu lebih menitikberatkan kesederhanaan dan kebersamaan. Manakala generasi masa kini cenderung kepada pendekatan yang lebih praktikal serta berteraskan teknologi.

Walau bagaimanapun, perubahan tersebut tidak semestinya mengahakis nilai-nilai yang telah sebatik dalam kehidupan masyarakat, sebaliknya memperlihatkan keupayaan kita untuk menyesuaikan diri dengan perkembangan semasa.

Justeru, meskipun bentuk sambutan Hari Raya Aidilfitri mengalami perubahan, nilai terasnya wajar terus dipelihara.

Selagi nilai-nilai tersebut terus dihayati, sambutan Hari Raya Aidilfitri akan kekal relevan sepanjang masa.

PROGRAM SINAR RAYA DI HATI BAWA KECERIAAN



SEKITAR Program Sinar Raya Di Hati anjuran SC Tubular Solutions (B) Sdn. Bhd. dengan kerjasama Belia Imtiyaz, Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (atas, kanan dan bawah).



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 Mac. - Bulan Syawal yang penuh keberkatan dan kegembiraan terus diraikan dengan penuh kesyukuran oleh umat Islam di negara ini melalui pelbagai inisiatif kebajikan.

Dalam semangat kebersamaan dan kasih sayang, SC Tubular Solutions (B) Sdn. Bhd. dengan kerjasama Belia Imtiyaz, Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah menganjurkan Program Sinar Raya Di Hati khusus untuk menceriakan golongan anak yatim, baru-baru ini.

Program yang diadakan di Dewan Auditorium, Universiti Islam Sultan Sharif Ali itu, melibatkan seramai 60 orang anak yatim dari beberapa kawasan termasuk Mukim Zon 1 dan Zon 2 Kampung Ayer, Kampung Kasat, Kampung Putat, Kampung Lupak Luas dan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Hasif Matzin

Kampung Lumapas.

Inisiatif ini bertujuan memastikan mereka turut merasai kemeriahan sambutan Hari Raya Aidilfitri melalui sumbangan bermakna dan aktiviti interaktif serta jamuan istimewa.

Antara objektif utama program termasuk beraya bersama anak-anak yatim melalui penyampaian sumbangan dan jamuan, menyemarakkan sambutan Hari Raya Aidilfitri dalam kalangan anak-anak yatim agar mereka turut merasai kegembiraan musim perayaan ini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan pada acara tersebut ialah HSSE Manager, SC Tubular Solutions (B)


Sdn. Bhd., Awang Mohamad Khairul Hamzani bin Awang Basri.

Pelbagai aktiviti menarik turut disediakan bagi menceriakan suasana, antaranya mencipta kad raya dengan ucapan 'Selamat Hari Raya, Maaf Zahir dan Batin', menganyam ketupat menggunakan reben, aktiviti origami, lukisan *henna* untuk peserta perempuan serta *face painting* khas untuk kanak-kanak.

Program tersebut bukan sahaja bertujuan menyemarakkan sambutan Aidilfitri dalam kalangan anak-anak yatim, malah menjadi platform untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara kakitangan SC Tubular Solutions (B) Sdn. Bhd. dan Belia Imtiyaz serta komuniti setempat.



Kesedaran keselamatan digital perlu diperkasa demi lindungi privasi



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 Mac. - Bagi mengelakkan penyalahgunaan maklumat peribadi oleh pihak tidak bertanggungjawab, orang ramai dinasihatkan supaya lebih berhati-hati ketika menggunakan media sosial.

Perkongsian berlebihan (*oversharing*) di media sosial sangat berbahaya kerana ia mendedahkan maklumat peribadi kepada ancaman siber, buli, dan fitnah.

Selain itu, ia juga boleh mengundang risiko jenayah seperti

PARA pengguna disarankan untuk menetapkan akaun kepada mode peribadi serta menghadkan maklumat agar tidak terlalu terbuka berkongsi maklumat yang boleh menjejaskan keselamatan diri dan keluarga.

kecurian identiti, mengancam keselamatan fizikal, serta merosakkan reputasi dan kesihatan mental.

Perkongsian maklumat peribadi seperti alamat rumah, nombor telefon, lokasi semasa, gambar kad pengenalan dan butiran keluarga boleh membuka ruang kepada jenayah siber seperti penipuan, kecurian identiti serta gangguan privasi.

Ramai pengguna, khususnya golongan remaja, gemar berkongsi aktiviti harian tanpa menyedari bahawa maklumat tersebut boleh digunakan oleh penjenayah untuk memprofilkan mangsa, sebagai contoh, perkongsian lokasi secara langsung boleh memberi petunjuk bahawa seseorang tiada di rumah, sekali gus meningkatkan risiko kecurian.

Selain itu, gambar dokumen penting seperti kad pengenalan atau pas masuk sekolah juga boleh disalah guna untuk tujuan penipuan



dalam talian dan pembukaan akaun palsu.

Pengguna adalah disarankan untuk menetapkan akaun kepada mode peribadi serta menghadkan maklumat yang boleh dilihat umum.

Pihak berkuasa juga sering mengingatkan ibu bapa untuk memantau aktiviti anak-anak di

media sosial agar tidak terlalu terbuka berkongsi maklumat yang boleh menjejaskan keselamatan diri dan keluarga.

Kesedaran mengenai keselamatan digital perlu dipertingkatkan supaya masyarakat lebih bijak menggunakan media sosial tanpa mengorbankan privasi peribadi.

PERTINGKATKAN TAHAP KESELAMATAN, WASPADA KETIKA BERADA DI JALAN RAYA

Kayuh Selamat, Sampai Selamat

Langkah-langkah keselamatan untuk penunggang basikal:



-  **Pakai topi keledar**
Lindungi kepala daripada kecederaan.
-  **Guna lampu & pakaian cerah**
Pastikan mudah dilihat, siang atau malam.
-  **Periksa basikal sebelum kayuh**
Pastikan brek, tayar dan rantai dalam keadaan baik.
-  **Patuh laluan & peraturan**
Kayuh di laluan basikal atau bahu jalan, ikut arah trafik.
-  **Beri isyarat bila membelok**
Gunakan tangan untuk isyarat ke kiri atau kanan.

"Keselamatan bermula dengan sikap berhemah ketika di jalan raya."

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 Mac. - Statistik kemalangan yang melibatkan kehilangan nyawa khususnya bagi penunggang-penunggang basikal semenjak lima tahun kebelakangan adalah seramai enam orang dan ia tidak termasuk mereka yang mengalami kecederaan serius yang memberi kesan kepada kehidupan individu dan keluarga.

Perkara ini amatlah membimbangkan dan memerlukan perhatian serta tindakan-tindakan yang bersesuaian bagi mengelakkan sebarang kejadian atau insiden seperti ini berlaku.

Dalam hubungan ini, tidak juga dapat dinafikan bahawa pemandu-pemandu kenderaan

memainkan peranan penting untuk menjamin keselamatan setiap pengguna jalan raya.

Langkah-langkah untuk memperketatkan lagi hukuman-hukuman bagi kesalahan memandu secara berbahaya dan mengakibatkan kematian juga akan dilaksanakan termasuk juga kesalahan-kesalahan memandu tanpa lesen memandu dan lesen kenderaan serta insurans yang sah.

Dalam pada itu, mana-mana acara dan kegiatan sukan berbasikal yang perlu menggunakan laluan-laluan tersebut boleh dipertimbangkan dan perlu menyediakan langkah-langkah keselamatan

yang lengkap dan sesuai.

Apapun acara dan kegiatan sukan berbasikal perlu mendapat sokongan daripada badan-badan sukan yang diiktiraf dan permohonan dihadapkan bagi pertimbangan Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR).

Buat masa sekarang dan sebagai tindakan jangka masa pendek, laluan-laluan alternatif aktiviti berbasikal yang diperkenalkan di empat-empat daerah sebagai langkah ke hadapan serta bagi menyokong gaya hidup sihat melalui aktiviti berbasikal.

Semua pengguna jalan raya khususnya pemandu-pemandu kenderaan jalan raya perlu mematuhi tanda-tanda jalan raya dan peraturan-peraturan jalan raya terutamanya mengenai dengan pematuhan had laju jalan raya.

Sebagai nasihat kepada penunggang-penunggang basikal, sukacita disarankan agar garis pandu untuk menunggang basikal hendaklah sentiasa dipatuhi sebelum dan semasa berada di jalan raya dan antara garis panduan dan amalan terbaik adalah seperti merancang laluan yang akan digunakan, serta memastikan keadaan tayar dan tekanan (*pressure*) tayar dalam keadaan baik.

Selain itu juga memastikan brek tayar berfungsi dengan baik; memastikan lampu-lampu yang bersesuaian untuk digunakan pada siang hari dan pada waktu malam; memakai helmet yang diiktiraf oleh pawai antarabangsa; memakai

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Infografik : Mohd. Sahrizal Haji Said

pakaian yang berwarna terang (*visible bright colour*) serta memastikan keadaan cuaca yang baik dan lain-lain.

Semua pengguna jalan raya disarankan untuk menghormati dan mematuhi larangan-larangan dan nasihat-nasihat itu bagi sama-sama menyokong hasrat semua yang menghendaki jalan raya adalah laluan selamat bagi setiap pengguna.

Amalan itu selari dengan Maqasid Syariah yang menekankan pemeliharaan nyawa, akal dan harta benda kerana keselamatan di jalan raya mencerminkan tanggungjawab setiap individu dalam menjaga

kesejahteraan diri dan masyarakat.

Penjagaan keselamatan merupakan tanggungjawab bersama baik kepada diri sendiri mahupun mereka di sekeliling kita dengan sentiasa peka dengan peraturan atau saranan daripada pihak berwajib.

Apapun yang kita praktikkan selalu juga ialah dengan mengamalkan doa bagi memohon kesejahteraan dan keselamatan bagi mereka yang beragama Islam dan sebaliknya kepada mereka yang lain untuk mempertingkatkan tahap keselamatan dan sikap berwaspada apabila berada di jalan raya.

Utamakan Keselamatan, Gunakan Laluan Basikal



PARA penunggang basikal disarankan menggunakan laluan-laluan yang ditetapkan bagi langkah-langkah keselamatan.

Operasi pastikan alat sukat, timbang sah, tepat, berdaftar



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

MUARA, Isnin, 30 Mac. - Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) melalui Unit Sukatan dan Timbangan (SDT) bersama agensi-agensi kerajaan yang berkaitan, telah melaksanakan satu operasi pemeriksaan mengejut di Kompleks Pendaratan Ikan Muara,

baru-baru ini. Operasi ini dilaksanakan bagi tujuan penguatkuasaan Akta SDT 1983 (Penggalt 151), khususnya untuk memastikan bahawa semua alat sukat dan timbang yang digunakan bagi tujuan perdagangan adalah sah, tepat dan berdaftar dengan Unit

SDT.

Hasil daripada operasi tersebut mendapati sebanyak 12 unit alat sukat dan timbang digunakan bagi tujuan perdagangan. Daripada jumlah tersebut, 11 unit didapati gagal mematuhi kehendak undang-undang, iaitu tiga unit menggunakan alat timbangan yang telah mansuh tempoh pendaftaran, manakala lapan unit lagi tidak berdaftar.

Susulan itu, pihak syarikat telah dikeluarkan Notis Penyitaan dan semua alat yang berkenaan telah diambil tindakan penyitaan. Pemilik alat berkenaan juga dikehendaki hadir ke pejabat Unit SDT dalam tempoh tujuh hari bekerja daripada tarikh notis dikeluarkan bagi tujuan pembetulan dan pematuhan lanjut.

Alat-alat yang telah diperbaharui Pencapan Tahunan atau didaftarkan semula telah diserahkan kembali kepada pemilik untuk kegunaan aktiviti perdagangan.

Para peniaga dan pengguna alat sukat dan timbang adalah diingatkan untuk sentiasa mematuhi Peraturan-peraturan (Penelitian) Alat-alat SDT 1994, khususnya di bawah Ceraian 3(2), yang memperuntukkan bahawa mana-mana individu yang menggunakan alat sukat dan timbang yang tidak dicap atau tidak diperakui adalah melakukan suatu kesalahan.

Jika sabit kesalahan, pesalah boleh dikenakan denda tidak melebihi BND1,000 atau penjara selama tiga bulan atau kedua-duanya sekali. Selain itu, alat berkenaan boleh dirampas, dan sebarang urusan niaga yang



OPERASI pemeriksaan mengejut diadakan di Kompleks Pendaratan Ikan Muara dan sebanyak 11 unit didapati gagal mematuhi kehendak undang-undang (atas, kiri dan bawah).

dibuat menggunakan alat tersebut adalah dianggap tidak sah di sisi undang-undang.

Untuk sebarang pertanyaan

lanjut atau aduan, orang ramai boleh menghubungi Unit SDT melalui e-mel : sdt@mofe.gov.bn atau talian +673 2334092.



MOU BAGI MEMAJUKAN INFRASTRUKTUR, TINGKATKAN BEBAN KERJA BERASASKAN AI



MENANDATANGANI bagi pihak UNN ialah Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif UNN dan Ketua Pegawai Digital UNN, manakala Watercloud International diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif Watercloud International dan Presiden Watercloud International.

Siaran Akhbar dan Foto : Unified National Network Sendirian Berhad

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 31 Mac. - Unified National Network Sendirian Berhad (UNN) telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Watercloud International (Singapore) Pte. Ltd. untuk kerjasama dalam memajukan infrastruktur Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI) serta menyokong permintaan yang semakin meningkat terhadap beban kerja berasaskan AI.

Menandatangani bagi pihak UNN ialah Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Christopher Phan dan Ketua Pegawai Digital, Heiko Trost, manakala Watercloud International diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Leonard Melvin Fernando dan Presiden Dr. Farzin Karma.

Kerjasama strategik ini akan meneroka pemanfaatan pusat data UNN yang berkeupayaan AI serta sambungan dasar laut yang luas untuk memenuhi keperluan pelanggan akhir Watercloud International, sekaligus membolehkan penyampaian perkhidmatan AI berprestasi tinggi dengan kependaman rendah di seluruh rantau dan seterusnya.

Sebagai sebahagian daripada kerjasama ini, Watercloud International akan bekerjasama rapat dengan UNN untuk mewujudkan dan melaksanakan teknologi terkini, termasuk Awan Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence Cloud), infrastruktur data, sistem kuasa luar grid, penyelesaian maju, serta penyelesaian pengkomputeran berketumpatan tinggi.

Keupayaan ini direka untuk menyokong keperluan kebolehskalaan jangka panjang UNN sambil memastikan kecekapan, daya tahan, dan kelestarian dalam operasi.

Kerjasama ini menunjukkan bagaimana infrastruktur moden dapat memberikan prestasi tinggi sambil mengekalkan standard alam sekitar yang kukuh serta menyokong pembangunan ekonomi yang mampan. Ini sekaligus mengukuhkan kedudukan negara sebagai hab teknologi digital maju di rantau ini.

Watercloud International akan mendapat manfaat daripada infrastruktur UNN yang kukuh dan selamat, disokong oleh sambungan antarabangsa yang mantap, bagi menyediakan penyelesaian AI yang boleh dipercayai dan berskala kepada para pelanggannya.

MoU ini menjadi asas bagi

Kekal aktif semasa Hari Raya Aidilfitri



ORANG ramai digalakkan untuk menetapkan masa khusus bagi melakukan senaman ringan seperti regangan, berjalan santai atau beriadah bersama keluarga.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 31 Mac. - Dalam kemeriahan sambutan Hari Raya Aidilfitri, orang ramai disarankan untuk terus mengamalkan gaya hidup sihat dengan kekal aktif walaupun sibuk dengan kunjung-mengunjung dan jamuan perayaan.

Amalan kekal aktif bukan sahaja membantu mengekalkan tahap kecergasan fizikal, malah turut menyumbang kepada kesejahteraan mental sepanjang musim perayaan.

Aktiviti ringan seperti berjalan kaki ketika beraya, membantu mengemas rumah, serta melibatkan diri dalam permainan tradisional bersama keluarga boleh menjadi alternatif mudah untuk terus bergerak.

Pakar kesihatan turut menekankan kepentingan mengimbangi pengambilan makanan semasa Hari Raya.

Hidangan seperti lemak, rendang dan kuih-muih yang lazimnya tinggi kalori perlu dinikmati secara sederhana bagi mengelakkan peningkatan berat badan secara mendadak.

Selain itu, orang ramai juga digalakkan untuk menetapkan masa khusus bagi melakukan senaman ringan seperti regangan, berjalan santai atau beriadah bersama keluarga.

Ini termasuk mengambil peluang menghadiri acara komuniti atau aktiviti berkumpul yang dianjurkan sepanjang bulan Syawal.

Dengan mengamalkan gaya hidup aktif dan pemakanan seimbang, sambutan Hari Raya bukan sahaja lebih bermakna, malah dapat menyokong kesihatan jangka panjang.

kerjasama masa hadapan dalam infrastruktur AI, penyelidikan dan penyampaian perkhidmatan, sekaligus memperkukuh lagi peranan negara sebagai hab serantau bagi teknologi digital maju.

Urus duit raya dengan bijak sejak kecil

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 31 Mac. - Sambutan Hari Raya Aidilfitri setiap tahun bukan sekadar mengukuhkan ikatan silaturahim antara kaum keluarga, saudara-mara dan sahabat handai, malah jadi saat paling menggembirakan terutamanya bagi golongan kanak-kanak dan generasi muda melalui amalan pemberian duit raya.

Amalan berkenaan bukan sahaja melambangkan sikap pemurah dan berkongsi rezeki, tetapi juga mencerminkan nilai kasih sayang serta keprihatinan orang dewasa terhadap generasi muda.

Duit raya bukan sekadar bentuk pemberian, malah peluang untuk ibu bapa mendidik anak-anak tentang nilai kewangan serta memperkenalkan tabiat kewangan penting yang dapat diamalkan sepanjang hayat.

Dengan menjadikan duit raya sebagai alat pengajaran, anak-anak dapat memahami bahawa duit bukan sahaja untuk dibelanjakan, tetapi dapat

disimpan, dilaburkan, dan dimanfaatkan untuk tujuan yang lebih bermakna.

Pendekatan berkenaan sekaligus memupuk rasa tanggungjawab terhadap pengurusan kewangan peribadi dalam kalangan anak-anak, yang merupakan asas penting dalam membentuk generasi celik kewangan pada masa hadapan.

Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) melalui 'Siri Money Kitani' di laman media sosial Instagram turut berkongsi beberapa kaedah mengurus duit raya dengan cara yang betul.

Beberapa tabiat kewangan asas yang boleh dipupuk daripada kecil ialah dengan menentukan antara keperluan dan kemahuan di mana ibu bapa boleh mengajar mereka kepentingan mengutamakan keperluan berbanding kemahuan.

Selain itu, menggalakkan anak-anak mengamalkan tabiat menabung secara aktif, iaitu melalui konsep simpan dahulu sebelum berbelanja dan buat pembahagian mudah untuk duit

raya mereka, iaitu duit untuk disimpan, untuk dibelanjakan dan untuk dikongsi.

Jadikan tabiat menabung sebagai sesuatu yang menyeronokkan daripada menyimpan dalam jumlah yang kecil hingga tercapai hasil mereka sendiri.

Ibu bapa dapat membantu anak-anak untuk menetapkan matlamat kewangan kecil sebagai contoh buku, kasut sekolah baru ataupun *gadget*.

Gunakan balang atau sampul berbeza untuk memisahkan simpanan, perbelanjaan dan pemberian.

Selain itu, ibu bapa boleh menggalakkan anak-anak menambah simpanan daripada hasil membantu kerja rumah atau daripada hadiah, serta meraikan setiap pencapaian dan konsisten bagi meningkatkan lagi motivasi mereka.

Sesudah mereka belajar menabung dan menetapkan matlamat, ibu bapa boleh membantu mereka membawa simpanan ke tahap seterusnya seperti membuka akaun simpanan. Bimbing mereka memasukkan duit



TABIAT menabung memupuk rasa tanggungjawab terhadap pengurusan kewangan peribadi dalam kalangan anak-anak, yang merupakan asas penting dalam membentuk generasi celik kewangan pada masa hadapan.

raya mereka sendiri untuk menanam rasa tanggungjawab terhadap kewangan mereka dan seterusnya pantau perkembangan bersama melalui penyata akaun, notifikasi atau buku catatan.

Pihak BDCB turut mengingatkan bahawa tabiat kewangan yang baik bermula dari rumah di mana membimbing anak-anak daripada awal membantu kemahiran

kewangan mereka berkembang sepanjang hayat.

Justeru, kesedaran masyarakat mengenai kepentingan mengurus duit raya anak-anak secara bijak adalah penting bagi memastikan duit berkenaan tidak habis dibelanjakan dalam jangka masa pendek, sebaliknya dimanfaatkan sebagai asas kukuh untuk masa depan kewangan anak-anak.

Pelunasan Hutang Dengan Mata Wang Berbeza

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

MENURUT istilah fuqaha, memberi hutang (*al-iqradh*) bermaksud memberi milik kepada seseorang terhadap sesuatu dengan tujuan penghutang akan mengembalikan gantiannya. Menurut muamalat Islam, penghutang akan memiliki barang yang dihutangkan kepadanya oleh pemiutang (orang yang memberi hutang) dan penghutang (orang yang berhutang) akan mengembalikan barang yang dihutangnya itu dengan memberikan kepada pemiutang ganti barang tersebut.

Hutang merupakan tanggungjawab kewangan yang wajib ditunaikan oleh penghutang. Sebagai ugama yang syumul, selain memelihara hak dan kepentingan pemiutang, Islam juga tidak mengabaikan hak penghutang.

Menurut ijma' ulama, perbuatan memberi hutang termasuk dalam muamalat yang diharuskan oleh syara'. Ia merupakan muamalat yang biasa berlaku dalam kehidupan seharian sejak zaman Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam dan para sahabat hingga ke hari ini. Perbuatan memberi hutang merupakan amalan yang baik, berkebaikan dan amalan yang mendekatkan diri kepada Allah Ta'ala, lebih-lebih lagi jika perbuatan memberi hutang itu dilakukan kerana memenuhi keperluan orang yang berhajat, maka hukumnya adalah sunat. Ia juga bertepatan dengan perintah Allah Ta'ala supaya manusia hidup tolong-menolong antara satu sama lain dalam kebaikan dan ketaqwaan, khususnya di waktu seseorang berada dalam kesulitan dan memerlukan bantuan.

Perbuatan sedemikian juga dijanjikan ganjaran pada hari Kiamat kelak sebagaimana disebut dalam sebuah hadits daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu bahawa Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

Maksudnya : Sesiapa yang melepaskan daripada seorang mukmin satu kesulitan daripada kesulitan-kesulitan dunia, (nescaya) Allah akan melepaskan daripadanya satu kesulitan daripada kesulitan-kesulitan pada hari Kiamat. Sesiapa yang memudahkan orang yang dalam kesusahan, (nescaya) Allah akan memudahkan baginya (urusannya) di dunia dan di akhirat. Sesiapa yang menutup (aib) seorang muslim, (nescaya) Allah akan menutup (aibnya) di dunia dan di akhirat. Dan Allah akan sentiasa menolong (seorang) hamba, selama mana (seorang) hamba itu menolong saudaranya.

(Hadits riwayat Muslim)

Bagi orang yang berhutang pula, pertolongan yang diberikan sepatutnya dihargai dan dibalas dengan rasa tanggungjawab serta kesungguhan untuk melunaskan hutang tersebut.

Niat baik seseorang untuk melunaskan hutang boleh menjadi penyebab kepada pertolongan Allah Ta'ala dan memudahkan baginya urusan pelunasan hutang tersebut. Dalam sebuah hadits daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu, Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

Maksudnya : Sesiapa yang mengambil harta orang lain (seperti berhutang) (dengan) niat untuk melunaskannya, (maka) Allah akan melunaskannya untuknya. Dan sesiapa yang mengambil (harta orang lain dengan) niat untuk membinasakannya, (maka) Allah akan membinasakannya (diri orang itu).

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Dalam urusan muamalat moden, orang berhutang dengan seseorang atau institusi kewangan merupakan perkara biasa berlaku. Hutang itu pula ada kalanya tidak dilunaskan dalam mata wang asal hutang seperti yang ditetapkan dalam akad.

Sebagai contoh, seseorang yang berhutang dengan seorang yang lain dalam mata wang tertentu seperti riyal Saudi (SAR). Apabila tiba masa untuk melunaskannya, dia meminta persetujuan daripada pihak yang satu lagi untuk melunaskan hutang tersebut menggunakan mata wang berbeza seperti dolar Brunei (BND), disebabkan kesukaran memperolehi mata wang riyal Saudi. Ataupun, pemiutang meminta persetujuan daripada penghutang supaya bayaran hutang tersebut dilunaskan dengan menggunakan mata wang dolar Brunei kerana pemiutang tidak lagi berhajat kepada bayaran hutang dalam mata wang riyal Saudi. Dalam perkara ini, apakah pandangan syara' mengenai pelunasan hutang menggunakan mata wang yang berbeza daripada mata wang asal hutang?

Mengenai pelunasan hutang, Imam Zainuddin al-Malibari *Rahimahullah* dalam kitabnya *Fath al-Mu'in* menyatakan :

Ertinya : Dan wajib ke atas penghutang mengembalikan (barang) yang sejenis (dengan hutang tersebut) dalam (hutang yang bersifat) mitsliy, iaitu (seperti) wang dan bijirin, sekalipun wang yang dibatalkan (penggunaannya) atau ditarik dari peredaran) oleh pemerintah kerana yang demikian itu lebih dekat kepada menunaikan haknya (pemiutang).

Daripada *nash* di atas, jelas bahawa wang tergolong sebagai barang *mitsliy*. Pelunasan hutang yang bersifat *mitsliy* hendaklah dilakukan dengan mengembalikan barang yang sejenis dan setara dengan barang yang dihutangkan. Berdasarkan ini, menurut hukum asal, seseorang yang berhutang dalam mata wang tertentu wajib ke atasnya melunaskan hutang tersebut dalam mata wang yang sama dengan jumlah yang sama sebagaimana yang dipersetujui dalam akad. Sebagai contoh, seseorang yang berhutang sebanyak 1,000 riyal Saudi wajib melunaskan hutangnya kepada pemiutang dalam mata wang yang sama dengan jumlah yang sama, iaitu 1,000 riyal Saudi, tanpa mengambil kira sama ada nilai mata wang tersebut pada hari pelunasan hutang meningkat atau menyusut berbanding nilainya semasa akad hutang dibuat.

Maksud barang *mitsliy* ialah barang yang mempunyai persamaan yang ada dalam pasaran, sama ada ia sama pada keseluruhannya atau sebahagiannya sehingga barang yang serupa itu dapat menjadi ganti tanpa ada perbezaan yang ketara.

Oleh itu, jika pemiutang dan penghutang bersepakat atau mensyaratkan ketika akad hutang dibuat agar hutang dalam mata wang tertentu dilunaskan dengan mata wang yang berbeza, hukumnya adalah haram. Ini kerana akad hutang tersebut berubah menjadi akad pertukaran mata wang (*sharf*) yang mengandungi unsur penyerahan salah satu mata wang secara bertangguh. Perkara ini termasuk salah satu bentuk riba *an-nasi'ah*.

Daripada Abu al-Minhal daripada al-Bara' bin 'Azib dan Zaid bin Arqam Radhiallahu 'anhum bahawa Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam melarang perbuatan menjual emas dan perak secara bertangguh, kemudian Baginda bersabda :

Maksudnya : Apa yang dilakukan (dalam jual beli emas dan perak) dengan serah terima secara langsung, maka tidak mengapa, dan apa yang (dilakukan) secara tangguh, maka itu adalah riba.

(Hadits riwayat Muslim)

Dalam hadits yang lain, Abu al-Minhal bertanya kepada al-Bara' bin 'Azib kemudian kepada Zaid bin Arqam Radhiallahu 'anhum tentang hukum jual beli mata wang (*sharf*). Kedua-duanya menjawab bahawa mereka adalah pedagang pada zaman Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam dan pernah bertanya kepada Baginda tentang perkara tersebut, lalu Baginda bersabda :

Maksudnya : Jika dilakukan (jual beli

mata wang) dengan serah terima secara langsung (dalam majlis akad), maka tidak mengapa. Dan jika dilakukan secara tangguh, maka tidak sah.

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Namun jika seseorang ingin melunaskan hutang tersebut menggunakan mata wang yang berbeza daripada apa yang telah dipersetujui dalam akad, maka perkara ini diharuskan dengan beberapa syarat sebagaimana resolusi Akademi Fiqh Islam Antarabangsa dalam Persidangan Kelapan di Brunei Darussalam, daripada 1-7 Muharram 1414H bersamaan 21-27 Jun 1993M mengenai isu mata wang. Mengenai pelunasan hutang, resolusi berkenaan menyatakan bahawa pemiutang dan penghutang boleh menggunakan mata wang yang berbeza daripada apa yang telah dipersetujui dalam akad dengan syarat-syarat berikut :

- Hendaklah persetujuan pemiutang dan penghutang mengenai penukaran mata wang asal hutang kepada mata wang yang berbeza dibuat pada hari pelunasan hutang tersebut, bukan sebelumnya.

- Hendaklah menggunakan kadar tukaran mata wang semasa pada hari pelunasan hutang tersebut.

- Hendaklah jumlah hutang yang dibayar dalam mata wang yang berbeza itu dilunaskan sepenuhnya tanpa berbaki dalam majlis pelunasan hutang tersebut.

Sebagai contoh, pada 1hb Januari 2026 Ali berhutang dengan Zaid sebanyak 1,000 riyal Saudi (SAR). Pada hari pelunasan hutang, 31hb Januari 2026, kedua-dua pihak bersetuju bahawa Ali akan melunaskan hutang tersebut dalam mata wang dolar Brunei (BND). Pada hari pelunasan hutang tersebut (31hb Januari 2026) kadar tukaran mata wang riyal Saudi kepada dolar Brunei adalah kira-kira :

1 SAR bersamaan dengan BND 0.34
Maka, cara pengiraan nilai hutang 1,000 riyal Saudi dalam mata wang dolar Brunei pada hari pelunasan hutang adalah :

1,000 SAR x BND 0.34 = BND 340
Menurut cara pengiraan di atas, Ali wajib membayar kepada Zaid sebanyak BND 340, mengikut kadar tukaran mata wang semasa pada hari pelunasan hutang tersebut (31hb Januari 2026), dan bukannya mengikut kadar tukaran mata wang pada hari hutang tersebut dibuat (1hb Januari 2026).

Demikian juga, hutang dalam mata wang tertentu yang telah dipersetujui untuk dilunaskan secara ansuran, hendaklah memenuhi syarat-syarat yang sama seperti yang dinyatakan di atas. Oleh yang demikian, persetujuan mengenai penukaran mata wang asal hutang kepada mata wang yang berbeza hendaklah dibuat pada hari pelunasan setiap ansuran, bukan sebelumnya. Kadar tukaran mata wang hendaklah menggunakan kadar tukaran

DALAM urusan muamalat moden, orang berhutang wang dengan seseorang atau institusi kewangan merupakan perkara biasa berlaku. Hutang itu pula ada kalanya tidak dilunaskan dalam mata wang asal hutang seperti yang ditetapkan dalam akad. Sebagai contoh, seseorang yang berhutang dengan seorang yang lain dalam mata wang tertentu seperti riyal Saudi (SAR). Apabila tiba masa untuk melunaskannya, dia meminta persetujuan daripada pihak yang satu lagi untuk melunaskan hutang tersebut menggunakan mata wang berbeza seperti dolar Brunei (BND), disebabkan kesukaran memperolehi mata wang riyal Saudi. Ataupun, pemiutang meminta persetujuan daripada penghutang supaya bayaran hutang tersebut dilunaskan dengan menggunakan mata wang dolar Brunei kerana pemiutang tidak lagi berhajat kepada bayaran hutang dalam mata wang riyal Saudi. Dalam perkara ini, apakah pandangan syara' mengenai pelunasan hutang menggunakan mata wang yang berbeza daripada mata wang asal hutang?

IRSYAD HUKUM

جاءت في كل حين
حاجتنا من كل حين
حاجتنا من كل حين

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

mata wang semasa pada hari pelunasan setiap ansuran, dan setiap ansuran hendaklah dilunaskan sepenuhnya pada setiap kali pembayaran dibuat.

Sebagai contoh, pada hari pelunasan hutang ansuran pertama, kedua-dua pihak bersetuju bahawa hutang tersebut akan dilunaskan menggunakan mata wang yang berbeza. Pada hari pelunasan hutang ansuran pertama, iaitu 31hb Januari 2026, pelunasan hutang hendaklah menggunakan kadar tukaran mata wang semasa pada hari pelunasan hutang tersebut, iaitu 1 SAR kira-kira bersamaan dengan BND 0.34. Manakala pada hari pelunasan hutang ansuran kedua, contohnya pada 28hb Februari 2026, pelunasan hutang hendaklah menggunakan kadar tukaran mata wang semasa pada hari pelunasan hutang tersebut iaitu 28hb Februari 2026, bukannya menggunakan kadar tukaran mata wang pada hari akad hutang dibuat, iaitu 1hb Januari 2026, dan bukannya menggunakan kadar tukaran mata wang pada hari pelunasan hutang sebelumnya, iaitu 31hb Januari 2026.

Sebagai kesimpulan, mengikut hukum asal orang yang berhutang dalam mata wang tertentu wajib melunaskan hutangnya itu dengan mata wang dan jumlah yang sama sebagaimana yang dipersetujui dalam akad itu. Meletakkan syarat ketika berakad hutang agar hutang dalam mata wang tertentu dilunaskan dengan mata wang berbeza adalah haram kerana termasuk salah satu bentuk riba *an-nasi'ah*. Walau bagaimanapun, diharuskan melunaskan hutang tersebut dengan mata wang berbeza dengan beberapa syarat, iaitu terdapat persetujuan daripada kedua-dua pihak dan persetujuan mengenai hutang hendaklah dibuat pada hari pelunasan hutang, bukan sebelumnya. Kadar tukaran mata wang yang digunakan hendaklah mengikut kadar tukaran mata wang semasa pada hari hutang tersebut dilunaskan serta jumlah hutang hendaklah dilunaskan sepenuhnya tanpa berbaki dalam majlis.

AMBIL LANGKAH PROAKTIF UNTUK KEKAL SIHAT



PENGAMBILAN air kosong memainkan peranan penting dalam mengekalkan suhu badan dan membantu proses pencernaan serta memastikan organ-organ dalaman berfungsi dengan baik.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 29 Mac. - Kesedaran menjaga kesihatan tubuh badan merupakan aspek penting dalam kehidupan seharian, lebih-lebih lagi ketika berdepan dengan cuaca panas pada masa kini.

Dalam keadaan suhu yang tinggi dan persekitaran yang kering, tubuh manusia mudah mengalami dehidrasi dan keletihan jika tidak dijaga dengan baik. Oleh itu, masyarakat perlu lebih peka terhadap keperluan tubuh dan mengambil langkah proaktif untuk kekal sihat.

Salah satu langkah utama yang perlu diamalkan ialah memperbanyakkan pengambilan air kosong kerana

air memainkan peranan penting dalam mengekalkan suhu badan dan membantu proses pencernaan serta memastikan organ-organ dalaman berfungsi dengan baik.

Ketika cuaca panas, tubuh akan kehilangan lebih banyak cecair melalui peluh, justeru keperluan air juga meningkat. Selain itu, pengambilan air yang mencukupi dapat membantu mengelakkan masalah kesihatan seperti sakit kepala, pening dan keletihan melampau.

Ramai individu tidak menyedari bahawa simptom-simptom ini sebenarnya berpunca daripada kekurangan air dalam badan. Oleh itu, membiasakan diri minum air secara berkala

walaupun tidak berasa haus adalah sangat digalakkan.

Kesedaran tentang kepentingan hidrasi juga perlu diterapkan dalam kalangan kanak-kanak dan remaja. Ibu bapa dan penjaga perlu memainkan peranan dengan mengingatkan mereka supaya minum air secukupnya dan berehat apabila cuaca terlalu panas.

Di samping itu, pemilihan minuman juga penting, air kosong adalah pilihan terbaik berbanding minuman manis atau berkafein yang boleh menyebabkan dehidrasi kerana minum minuman bergula bukan sahaja kurang berkesan dalam menghilangkan dahaga, malah boleh memberi kesan negatif kepada kesihatan jika diambil secara berlebihan.

Selain minum air, menjaga kesihatan tubuh badan juga melalui pemakanan yang seimbang iaitu pengambilan buah-buahan yang tinggi kandungan air seperti tembikai dan oren dapat membantu mengekalkan hidrasi tubuh.

Sayur-sayuran segar juga penting untuk membekalkan vitamin dan mineral yang diperlukan oleh badan. Kesimpulannya, menjaga kesihatan tubuh badan dan memperbanyakkan minum air ketika cuaca panas adalah tanggungjawab setiap individu.

Dengan mengamalkan gaya hidup sihat dan mengambil langkah pencegahan yang sewajarnya, kita dapat mengelakkan pelbagai masalah kesihatan serta menjalani kehidupan dengan lebih selesa dan produktif.

6 individu ditahan jalankan kegiatan dinilai menjejaskan keselamatan negara

>> Muka 1

Keenam-enam individu tersebut telah terbukti terlibat dalam membantu warga asing melepaskan diri daripada dikenakan tindakan undang-undang kerana tinggal lebih masa di negara ini atau kerana mempunyai dokumen perjalanan yang telah mansuh atau tidak sah.

Mereka juga didapati telah menggunakan cap-cap palsu dan cap-cap rasmi JIPK secara tidak sah serta telah mengenakan caj atau menerima wang imbuhan daripada warga asing berkenaan.

Kegiatan mereka ini selain berpotensi untuk melemahkan dan menjejaskan keselamatan negara, ia juga akan menjejaskan imej, integriti dan kredibiliti JIPK sebagai salah sebuah agensi yang dipertanggungjawabkan sebagai 'first line of defence' negara dalam mengawal aktiviti keluar masuk orang ramai serta keberadaan warga asing di negara ini.

Kegiatan yang tidak bertanggungjawab ini jika tidak dibanteras, akan membukakan peluang kepada anasir-anasir jahat yang lain untuk mudah menyusup masuk dan ke luar negara ini tanpa mengikut undang-undang.

Selain itu, ia berpotensi membukakan ruang bagi jenayah terancang seperti sindiket-sindiket pemerdagangan manusia, pengedaran dadah atau penyeludupan barang-barang tegahan dan kemasukan penjenayah-penjenayah dari luar negara untuk bertapak di negara ini dan menjadikan Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai tempat menjalankan kegiatan jenayah atau sebagai tempat persembunyian.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memperingatkan kepada orang ramai dan lebih-lebih lagi kepada pegawai dan kakitangan kerajaan bahawa kerajaan akan tetap komited dan serius dalam menegakkan undang-undang dan menangani isu integriti dalam Perkhidmatan Awam.

Pihak kerajaan juga tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang tegas ke atas mana-mana anasir jahat yang cuba mempergunakan dan memperlekehkan undang-undang NBD dan menjejaskan keselamatan negara.

JKDN ingin mengingatkan dan menyeru orang ramai supaya memberikan kerjasama kepada agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang di negara ini dengan menyalurkan apa jua maklumat atau risikan yang boleh mengancam keselamatan negara.

Orang ramai bolehlah menyalurkan apa jua maklumat berhubung isu-isu yang dinilai boleh mengancam keselamatan dan ketenteraman awam di negara ini dengan menghubungi Hotline JKDN menerusi Talian 133 atau melaporkan terus ke mana-mana cawangan JKDN di negara ini.

منوجو كرىضائن الله

MENUJU KEREDAAN ALLAH

كلولان قوسمة دعوه اسلاميه

DENGAN berakhirnya Ramadan umat Islam menyambut dan merayakan Hari Raya Aidilfitri dengan penuh kesyukuran dan kegembiraan kerana ia merupakan hari kemenangan bagi umat Islam yang telah berjaya menjalani ibadat puasa dengan penuh keimanan, ketakwaan dan keikhlasan semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala.

Di samping bersyukur dan bergembira menyambut dan meraikan Hari Raya, kita juga disunatkan mengerjakan puasa sunat enam hari di bulan Syawal yang bermula pada 2 Syawal. Adapun mengerjakan puasa enam di bulan Syawal dengan berturut-turut adalah lebih afdal dan utama. Walau bagaimanapun, tidak menjadi kesalahan jika puasa enam itu dilakukan secara berselang hari atau dibuat pada bila-bila masa asalkan masih di bulan Syawal.

Sesungguhnya ganjaran bagi orang yang mengerjakan puasa sunat enam hari di bulan Syawal seolah-olah ia berpuasa sepanjang tahun. Imam Muslim dalam kitab sahihnya meriwayatkan daripada Abu Ayyub Al-Anshari Radhiallahuanhu, Rasulullah

Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

"Barang siapa yang berpuasa pada bulan Ramadan kemudian diikuti dengan puasa enam hari pada bulan Syawal, seolah-olah ia berpuasa sepanjang tahun".

Puasa sunat enam hari pada bulan Syawal sunat dikerjakan oleh orang yang telah mengerjakan puasa Ramadan sebulan penuh dan begitu juga sunat dikerjakan oleh orang yang tidak berpuasa penuh di bulan Ramadan disebabkan keuzuran yang diharuskan oleh syarak. Manakala bagi orang yang meninggalkan puasa Ramadan dengan sengaja, hukumnya adalah haram melakukannya selagi ia belum mengqada puasanya itu.

Adapun bagi orang yang meninggalkan puasanya kerana uzur syarie, maka harus baginya melakukan qada Ramadan sekali gus dengan puasa sunat enam hari di bulan Syawal dengan syarat hendaklah berniat bagi kedua-duanya dengan tujuan mendapatkan ganjaran puasa qada dan ganjaran puasa sunat. Namun, pandangan yang lebih afdal adalah menyelesaikan semua puasa qada Ramadan sepenuhnya kemudian barulah memulakan puasa enam Syawal.

Amalan berziarah atau berkunjung di Hari Raya Aidilfitri sudah menjadi adat bagi kita. Lazimnya tuan rumah akan menghidangkan

berbagai jenis juadah lebih-lebih lagi ketika mengadakan Majlis Rumah Terbuka. Bagi mereka yang sedang berpuasa sunat enam, undangan ini adalah satu perkara yang sukar dielakkan, apatah lagi jika tuan rumah itu mengkhususkan jemputannya di waktu siang sahaja. Perlu diingat bahawa berpuasa bukanlah alasan untuk kita tidak menghadiri jemputan.

Ibnu Umar Radhiallahuanhuma tetap memenuhi jemputan walaupun beliau sedang berpuasa sebagaimana Imam Muslim dalam kitab sahihnya meriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Apabila seseorang di antara kamu diundang makan, maka penuhilah, apabila dia sedang berpuasa (sunat) hendaklah dia mendoakan pihak pengundang dan apabila ia tidak berpuasa hendaklah ia makan makanan (yang ada pada jamuan tersebut)".

Apabila diundang untuk menghadiri jemputan atau rumah terbuka sedangkan dia berpuasa, maka tidaklah diwajibkan ke atasnya untuk memakan makanan yang dihidangkan kepadanya. Jika puasa yang dikerjakannya itu adalah puasa fardu, contohnya puasa qada Ramadan atau puasa nazar maka adalah haram baginya untuk berbuka. Cukuplah baginya sekadar menghadiri jemputan tersebut

dan disunatkan juga ke atasnya untuk mendoakan keberkatan serta keampunan ke atas tuan rumah. Namun yang demikian sama ada ia berpuasa wajib atau sunat adalah lebih elok jika ia hadir pada waktu malam atau selepas waktu berbuka puasa.

Menurut ulama pula jika ia berpuasa sunat, maka adalah dibolehkan baginya untuk berbuka dan tidak meneruskan puasa sunatnya itu bahkan adalah sunat baginya untuk berbuka bagi mengelakkan tuan rumah tersinggung jika dia tidak memakan makanan yang dihidangkannya.

Bersamalah kita berazam untuk melakukan puasa sunat enam hari di bulan Syawal ini dengan penuh keimanan dan ketakwaan untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Semoga segala ibadah dan amal kebajikan yang kita lakukan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan sentiasa mendapat berkat, rahmat serta inayah daripada-Nya jua. Amin Ya Rabbal Alamin.

"Dan bersegeralah kamu (mengerjakan amal kebajikan untuk membawa kamu) kepada keampunan daripada Tuhan kamu dan ke syurga yang luasnya seluas langit dan bumi yang disediakan untuk orang-orang yang bertakwa".

(Surah 'Ali-Imran, ayat 133)

Lakukan puasa enam dengan iman dan takwa

MEMBINA JAMBATAN DAKWAH, INSPIRASI BELIA KE ARAH GLOBAL



AWANG Muhammad Ekram 'Afif bin Haji Awang Mohd. Hanafi semasa menerima jemputan menjadi imam di Osaka, Jepun (atas dan kanan).

Jelasnya, ketika pertama kali menerima khabar bahawa beliau dipilih untuk menjadi imam di Jepun, perasaannya bercampur baur antara gembira dan berasa risau kerana beliau merupakan seorang sahaja wakil daripada Negara Brunei Darussalam.

Namun demikian, beliau bersyukur atas kepercayaan yang diberikan serta bertekad untuk melaksanakan amanah tersebut dengan sebaiknya.

Semasa ditanya mengenai cabaran terbesar sepanjang menjalankan amanah tersebut, beliau memaklumkan bahawa kekangan bahasa menjadi antara dugaan utama, kerana tidak semua warga Jepun mahir berbahasa Inggeris.

Dengan adanya penterjemah, segala aktiviti seperti penyampaian tazkirah dapat disampaikan dengan baik dan difahami oleh para jemaah, ujarnya.

Awang Muhammad Ekram 'Afif turut menjelaskan bahawa masjid yang ditempatkan menggunakan Mazhab Syafi'i, maka tiada masalah yang ketara dari segi perbezaan mazhab, dan pelaksanaan solat dapat berjalan dengan lancar.

"Antara persiapan yang dilakukan sebelum berlepas ke



Osaka ialah mengulang hafazan Al-Quran serta mengulangkaji semula kitab-kitab yang telah dipelajari, khususnya berkaitan hukum-hakam yang berkaitan dengan solat dan ibadah," ujarnya lagi.

Beliau berpendapat bahawa pengalaman berkenaan menjadi satu peluang untuk membawa nilai-nilai Islam serta memperkenalkan imej positif belia Brunei di mata dunia.

Beliau berharap program ini dapat menjadi inspirasi kepada belia lain untuk terus berusaha meningkatkan ilmu dan kemahiran

demi menyokong hasrat negara ke arah kecemerlangan pada masa hadapan.

Sepanjang menunaikan amanah mengimami solat di bumi Jepun, beliau berdoa agar kehadirannya dapat memberi manfaat kepada para jemaah dan menjadi asbab lebih ramai lagi warga Jepun mendapat hidayah untuk memeluk agama Islam.

Beliau juga berharap agar program seperti ini dapat menjadi pembuka jalan kepada lebih banyak program dakwah di peringkat antarabangsa pada masa akan datang.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Ihsan Awang Muhammad Ekram 'Afif bin Haji Awang Mohd. Hanafi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 Mac. - Alumni Ma'had Qiraat Shoubro, Universiti Al-Azhar, Republik Arab Mesir dan alumni Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Awang Muhammad Ekram 'Afif bin Haji Awang Mohd. Hanafi telah menerima jemputan menjadi imam di Osaka, Jepun pada bulan Ramadan lalu. Sehubungan itu, Pelita Brunei berkesempatan untuk menemu bual Awang Muhammad Ekram 'Afif bagi mendapatkan perkongsian berkenaan pengalaman dan cabaran yang dilalui sepanjang menjalankan tanggungjawab sebagai imam di perantauan.



MINDA PEMBACA

Memupuk budaya menabung sedari kecil

AMALAN menabung seharusnya diterapkan sejak usia kanak-kanak kerana tabiat yang dibina awal lazimnya kekal hingga dewasa. Dalam suasana ekonomi yang tidak menentu, keupayaan mengurus wang dengan bijak menjadi satu kemahiran penting. Namun, budaya berbelanja tanpa perancangan semakin menjadi kebiasaan, terutamanya apabila kanak-kanak terdedah kepada pelbagai iklan dan pengaruh media sosial. Oleh itu, usaha memupuk sikap menabung perlu bermula di peringkat awal supaya mereka membesar dengan kesedaran tentang nilai wang dan tanggungjawab kewangan.

Pada pendapat saya, ibu bapa

memainkan peranan utama dalam membentuk tabiat ini. Kanak-kanak belajar melalui pemerhatian. Jika mereka melihat ibu bapa berbelanja secara berhemah dan menyimpan sebahagian pendapatan, mereka akan mencontohi sikap tersebut. Memberi wang saku dan menggalakkan anak menyimpan sebahagian daripadanya dalam tabung kecil adalah langkah mudah tetapi berkesan. Apabila anak berjaya mengumpulkan wang untuk membeli sesuatu yang diinginkan, mereka akan memahami konsep usaha dan ganjaran.

Di samping itu, pendidikan kewangan asas boleh diperkenalkan secara santai di rumah atau di sekolah. Kanak-kanak perlu didedahkan

kepada perbezaan antara keperluan dan kehendak. Dengan cara ini, mereka belajar membuat pilihan yang lebih rasional sebelum berbelanja. Aktiviti seperti permainan simulasi jual beli atau projek kecil mengurus wang saku juga boleh membantu mereka memahami cara wang berfungsi dalam kehidupan seharian.

Menabung bukan hanya tentang mengumpulkan wang, tetapi juga melatih disiplin dan kesabaran. Proses menyimpan sedikit demi sedikit mengajar kanak-kanak untuk menahan diri daripada berbelanja secara impulsif. Nilai ini sangat penting apabila mereka meningkat remaja dan dewasa, kerana godaan untuk berhutang atau berbelanja berlebihan

semakin besar.

Secara keseluruhannya, memupuk budaya menabung sedari sejak kecil merupakan satu pelaburan jangka panjang terhadap masa depan anak-anak. Apabila mereka memahami kepentingan menyimpan dan mengurus kewangan dengan baik, mereka lebih bersedia menghadapi cabaran ekonomi pada masa hadapan. Usaha ini memerlukan kerjasama keluarga dan institusi pendidikan agar generasi muda membesar dengan sikap kewangan yang lebih bertanggungjawab dan berdaya tahan..

Nama : Ahmad Izzuddin bin Azis
No. K/P : 01-099XXX

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 1.'Menyantuni Anak Yatim : Tanggungjawab Bersama'. Tarikh Tutup : 1 April 2026
- 2.'Cabaran Belia Dalam Mendapatkan Pekerjaan Berkualiti '. Tarikh Tutup : 8 April 2026
- 3.'Ketagihan Telefon Pintar Dalam Kalangan Remaja '. Tarikh Tutup : 15 April 2026

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3.Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحْنَا وَبِاللَّهِ أَخْتَتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَخَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبْرُوتِ. وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقَنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِعْفَارِ

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّمَّا فِى السَّمٰوٰتِ وَمَا فِى الْاَرْضِ مَن ذَا الَّذِى يَشْفَعُ عِنْدَهٗ اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ وَلَا يَئُوْدُهٗ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِى تَنَحَّلَ بِهٖ الْعَقْدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتُقَضِّى بِهٖ الْحَوَائِجَ، وَتُنَالُ بِهٖ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى الْعَمَامُ بِوَجْهِهٖ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِى كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّىْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِىْ وَاَنَا عَبْدُكَ، وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلٰى وَاَبُوْءُ بِذَنْبِيْ، فَاَغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Peringatan :
Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

Maksudnya :
Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).
Penerangannya :
Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

Maksudnya :
"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".
Fadilatnya :
Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ مباوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قشعملن (تولق بلاء)

(3) بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :
Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(2) اَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيْمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :
Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(1) حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(5) يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :
Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinnya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(4) وَاَفْوِضْ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.



KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Tawaran:
DRG / 88 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 89 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 500.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 90 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 50.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 91 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 100.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 92 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 100.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 93 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 94 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 95 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 96 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 100.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 97 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 98 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 99 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 100 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 101 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 102 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 1,000.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 103 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Tawaran:
VAK / 02 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Tarikh Tutup Tawaran:
Tidak Lewat 21 April 2026
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
KK / 57 / 2026 / PHARM

Keterangan:
To Facilitate The 44th Meeting Of The ASEAN Cosmetic Committee (ACC) And Its Related Meetings, 16–20 November 2026, Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Tarikh Tutup Tawaran:
Tidak Lewat 14 April 2026
Jam 2.00 Petang


 JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
 JABATAN TENAGA
 JABATAN PERDANA MENTERI

Jemputan Untuk Memberi Tawaran Jabatan Perkhidmatan Elektrik

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PSP / 110 / 2025

Tajuk Tawaran:
Consultancy Services For Transmission Infrastructure Upgrade (66KV to 132KV) From Seria Substation To Panaga Substation

Tarikh Tutup:
Selasa,
21 April 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Peti Tawaran,
Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama,
Aras 1
Bangunan Jabatan Perdana

Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan:
Konsultan Jurutera Mekanikal
Atau Jurutera Awam Yang
Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
(BAPEQS)

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian kaunter Unit Tawaran dan Sebut Harga, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.



Jemputan Untuk Memberi Tawaran Jabatan Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / DIS / 009 / 2026

Tajuk:
Provision Of Manpower For Low Voltage Remedial Works In Tutong District For Three (3) Years

Tarikh Tutup:
Selasa,
21 April 2026
Jam 2.00 Petang

Harga Dokumen:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
"Tender Box"
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,

Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1,
Bangunan Jabatan Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan,
BB3913,
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan:
Mempunyai pendaftaran syarikat dengan Kementerian Pembangunan dalam Kelas 3, 4 Atau 5, dalam Kategori E02 & E03 dan mempunyai pekerja yang berdaftar dengan JPE dalam kategori E02 dan E03.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2025 / GCAU / TU / TA / 8013
Pembelian Alat-Alat Kelengkapan PASKTU, Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB)

Yuran Tawaran:
BND 30.00 (Tidak dikembalikan)
Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah satu minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Selasa, 28 April 2026.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 5 Mei 2026
2.00 Petang





JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
IV Atau V

Kategori:
M01
(With at least 1 valid Project
Supervisor / Engineer registered
under M01)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa,
7 April 2026
Tidak Lewat Dari Jam
3.00 Petang

Tarikh Tutup:
Selasa,
21 April 2026
Tidak Lewat Dari Jam
2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BP / 07 / 2026

Nama Projek:
Pembinaan Masjid RPN
Kampung Lugu,
Daerah Brunei Dan Muara,
Negara Brunei Darussalam
- Kerja-Kerja Pemasangan
Sistem Penghawa Dingin Bagi
Dewan Solat Utama Dan Ruang
Solat Perempuan

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)



Kelas:
V & VI Sahaja

Kategori:
KA01- Contractor with
asphalt plant only

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
31 Mac 2026
Jam 2.00 Petang

Bilangan:
JKR / DOR / SRM 13 / 2026

Nama Projek:
Membaikpilih Dan Menurap
Semula Aspal di Lebuhraya Sultan
Hassanal Bolkiah, Tungku, Rimba,
Pengiran Muda Al-Muhtadee
Billah dan Tungku – Jerudong

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen:
-

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
7 April 2026
Tidak Lewat
Dari Jam 2.00 Petang



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Di Dalam

Kelas:
V & VI Sahaja

Kategori:
KA01

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
15 April 2026
Jam 2.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
5 Mei 2026

Bilangan:
JKR / DOR / SRM 11 / 2026

Nama Projek:
Membaiki Dan Menurap Semula
Aspal Di Jalan Masuk Dan
Kawasan Kediaman Yang Teramat
Mulia Paduka Seri Pengiran Anak
Puteri Hajah Nor'ain Binti
Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali
Saifuddin Sa'adul Khairi
Waddien,
Di Kampong Madewa
Jalan Tutong

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen:
-



PASUKAN POLIS
DIRAJA BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI

T / 001 / RBPf-HQ / 2025-M
To Supply And Delivery Of
One (01) Unit Of Tractor For
Launching/Retrieving Boat
At Slipway And To Apply
Anti-Corrosive
Coating On All Metal
Surfaces Of The Tractor,
Police Marine Headquarters,
Royal Brunei Police Force

Yuran Tawaran:
BND10.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Selasa, 21 April 2026



JABATAN PERTANIAN
DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN

Pemberitahuan Sebut Harga
Jabatan Pertanian
dan Agrimakanan

Sebut harga hendaklah
dimasukkan ke dalam
Peti Sebut harga dan dialamatkan
kepada Ibu Pejabat, Jabatan
Pertanian dan Agrimakanan,
Jalan Muhibbah, Lapangan
Terbang Lama, Berakas BB3510
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat dari jam 2.00 petang
pada **Khamis, 30 April 2026.**

Borang Sebut Harga:
BND7.00



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
II Sahaja

Kategori:
KA01

**Tarikh Akhir
Mengambil Dokumen
Tawaran Pada:**
Selasa
14 April 2026

Tarikh Tutup:
Selasa
28 April 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 015 / 2026

Nama Projek:
Kontak Penggal Bagi
Kerja-Kerja
Penyelenggaraan Saliran
Di Mukim Kuala Belait,
Mukim Kuala Balai
dan Mukim Seria,
Daerah Belait Bagi
Tempoh 24 Bulan.

No. Projek:
2026ADKB / 2106 / 002-003-006

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 016 / 2026

Nama Projek:
Kontak Penggal Bagi
Kerja-Kerja Penyelenggaraan
Saliran Di Mukim Liang,
Daerah Belait
Bagi Tempoh 24 Bulan.

No. Projek:
2026ADKB / 2106 / 002-003-007

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



جوالن سالىنن كمبر ٢ دىكىتل

JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



HARGA JUALAN

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.
Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan satu keping cd adalah BND21.
(Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

JENIS-JENIS

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam laman galeri Infoto (www.infoto.gov.bn) dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil oleh warga Jabatan Penerangan.

IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400
FAKS : 2382242

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

WAKTU PERNIAGAAN

Isnin - Khamis
8.00 Pagi – 12.00 T/hari
2.00 Ptg – 3.00 Ptg
Sabtu
8.00 Pagi – 11.00 Pagi



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

BERSAMA MENJAGA ALAM SEKITAR KETIKA CUACA KEMARAU

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 Mac. - Cuaca kemarau merupakan fenomena semula jadi yang sering berlaku akibat perubahan iklim dan kekurangan hujan dalam tempoh yang panjang.

Keadaan berkenaan bukan sahaja memberi kesan kepada manusia, malah turut menjejaskan flora dan fauna serta keseimbangan ekosistem.

Oleh itu, menjaga alam sekitar ketika musim kemarau adalah amat penting bagi memastikan kelangsungan hidup dan kesejahteraan semua hidupan.

Salah satu kepentingan utama menjaga alam sekitar ketika kemarau ialah untuk mengelakkan berlakunya kebakaran hutan.

Dalam keadaan panas dan kering, tumbuhan mudah terbakar walaupun dengan percikan api yang kecil. Jika masyarakat tidak peka dan masih melakukan aktiviti

seperti pembakaran terbuka, risiko kebakaran akan meningkat dengan mendadak.

Kebakaran hutan bukan sahaja memusnahkan habitat haiwan, malah mencemarkan udara dan menjejaskan kesihatan manusia.

Selain itu, penjagaan alam sekitar juga penting bagi memastikan sumber air sentiasa mencukupi, kerana ketika kemarau paras air di sungai, tasik dan empangan akan menurun.

Jika berlaku pencemaran air atau pembaziran yang berleluasa, bekalan air bersih akan menjadi semakin terhad. Oleh itu, masyarakat perlu mengamalkan sikap berjimat cermat dalam penggunaan air serta mengelakkan pembuangan sisa ke dalam sumber air.

Di samping itu, menjaga alam sekitar membantu mengekalkan keseimbangan ekosistem. Tumbuhan memainkan peranan penting dalam mengekalkan kelembapan tanah dan mengurangkan suhu persekitaran.

Jika berlaku penebangan hutan secara tidak terkawal, keadaan kemarau akan menjadi lebih teruk kerana kurangnya kawasan hijau yang berfungsi sebagai penyejuk semula jadi. Oleh itu, usaha seperti penanaman semula pokok dan pemeliharaan kawasan hutan amat penting.

Kesedaran masyarakat juga merupakan faktor utama dalam menangani kesan kemarau, selain pendidikan tentang kepentingan alam sekitar perlu dipupuk sejak kecil agar generasi akan datang lebih bertanggungjawab terhadap alam.

Kempen kesedaran, program gotong royong, dan penguatkuasaan undang-undang boleh membantu mengurangkan aktiviti yang merosakkan alam sekitar.

Kesimpulannya, menjaga alam sekitar ketika cuaca kemarau bukanlah satu pilihan, tetapi satu keperluan.

Tindakan yang diambil hari ini akan menentukan keadaan alam



KEBAKARAN hutan memberi kesan kepada habitat haiwan, mencemarkan udara dan turut menjejaskan kesihatan manusia. Orang ramai dinasihatkan agar mengurangkan aktiviti pembakaran secara terbuka sepanjang cuaca kemarau.

pada masa hadapan, dan melalui kemarau dan memastikan alam kerjasama semua pihak, kita sekitar terus terpelihara untuk mampu mengurangkan kesan generasi akan datang.

Gangguan bekalan elektrik akibat percubaan curi kabel bawah tanah

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perkhidmatan Elektrik



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 31 Mac. - Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE) ingin memaklumkan mengenai beberapa gangguan bekalan elektrik yang berlaku pada Khamis, 19 Mac 2026 di beberapa kawasan di Daerah Brunei dan Muara serta Daerah Belait.

Hasil siasatan yang dilaksanakan mendapati bahawa gangguan adalah berpunca daripada kerosakan serius pada peralatan JPE akibat daripada aktiviti dan percubaan mencuri kabel bawah tanah dan peralatan-peralatan utama yang lain.

Kejadian seumpama berkenaan telah melemahkan prasarana sistem bekalan tenaga elektrik JPE, yang seterusnya menyebabkan gangguan bekalan yang sering kerap kepada orang

ramai dalam tempoh masa yang berpanjangan.

Adalah dimaklumkan bahawa kejadian yang sama telah berulang lagi pada Rabu, 25 Mac 2026. Walau bagaimanapun, tindakan pantas pihak JPE susulan pengesanan awal telah berjaya mengawal keadaan dan memastikan bekalan elektrik kekal stabil di kawasan terlibat.

Pihak JPE ingin mengingatkan orang ramai bahawa sebarang perbuatan atau percubaan mencuri atau merosakkan mana-mana aset elektrik termasuk kabel boleh mengakibatkan kecederaan serius dan kematian.

Sehubungan dengan itu, pihak JPE memohon orang ramai untuk membantu dalam pemantauan di kawasan-kawasan berkenaan serta melaporkan sebarang aktiviti yang mencurigakan.

HASIL siasatan mendapati gangguan berpunca daripada kerosakan serius pada peralatan JPE akibat aktiviti dan percubaan mencuri kabel bawah tanah dan peralatan-peralatan utama yang lainnya (kiri dan kanan).

Kerjasama berterusan berkenaan amat dihargai bagi memastikan keselamatan aset kerajaan sentiasa terpelihara serta kestabilan bekalan elektrik kepada orang ramai.

Pihak JPE juga ingin menekankan bahawa kegiatan curi kabel berkenaan adalah menyalahi undang-undang dan termasuk di bawah Seksyen 380B dan Seksyen 427B Kanun Keseksaan Penggal 22, seperti yang diperuntukkan di dalam Perintah Kanun Keseksaan (Pindaan) 2021 yang menetapkan bahawa bekalan elektrik kepada orang ramai merupakan salah satu perkhidmatan utama.

Kesalahan di bawah seksyen-seksyen berkenaan boleh membawa hukuman penjara tidak kurang dari tiga tahun dan tidak melebihi 10 tahun, dan sebatan tidak kurang daripada empat kali dan tidak melebihi 12 kali.

Pihak JPE akan terus bekerjasama dengan Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) serta agensi-agensi yang berkenaan bagi memastikan kegiatan curi kabel berkenaan dapat dibanteras dan dielakkan bagi memastikan bekalan elektrik yang dibekalkan kepada orang ramai tidak terjejas.

Bagi sebarang kegiatan yang mencurigakan, orang ramai boleh membuat aduan ke Talian Darussalam 123 atau Talian Kecemasan Polis 993.



TAHUKAH AWDA?

جايڤن تناس
JABATAN TENAGA

APA ITU TENAGA SURIA?

- Tenaga suria adalah salah satu tenaga yang boleh diperbaharui yang dijana oleh matahari.
- Cahaya matahari ditukar kepada tenaga elektrik melalui alat yang dikenali sebagai panel solar fotovoltaik.

Terdapat 3 jenis sistem tenaga suria

ATAS GRID	LUAR GRID	HIBRID
Bersambung dengan grid utiliti.	Bergantung kepada panel solar dan bateri sahaja.	Gabungan sistem penyimpanan tenaga elektrik melalui bateri dengan grid.

TAHUKAH AWDA?

Dengan sistem atas grid, sebarang lebihan tenaga elektrik yang awda hasilkan boleh dieksport kembali ke grid utiliti melalui Program **Net-metering**.

www.energy.gov.bn
 renewable.energy@energy.gov.bn
 + 673 2384488 ext 3271

OPERASI SEPADU JPES, SDT KELUARKAN 1 KOMPAUN, 2 NOTIS AMARAN

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

BELAIT, Isnin, 30 Mac. - Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna (JHEP) bersama Unit Sukatan dan Timbangan (SDT), Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah menjalankan pemeriksaan bersepadu ke atas beberapa premis perniagaan di kawasan perniagaan Pekan Seria, Daerah Belait, baru-baru ini.

Pelaksanaan pemeriksaan bersepadu secara bulanan di antara JPES dan Unit SDT bertujuan bagi memastikan kepatuhan para peniaga terhadap Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan peraturan-peraturan di bawahnya serta Akta Sukatan dan Timbangan, Penggal 151.

Semasa operasi bersepadu tersebut, dua buah premis perniagaan telah didapati melakukan kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142.

Syarikat Nazmul Sdn. Bhd. dikeluarkan satu kompaun berjumlah BND500 kerana tidak memaparkan tanda harga pada beberapa barangan yang dijual di premis perniagaan.

Sebanyak dua notis amaran juga telah dikeluarkan kepada sebuah premis perniagaan kerana menjual

barangan yang dikawal harga iaitu susu tepung formula melebihi harga maksimum yang ditetapkan dan memaparkan tanda harga yang tidak selaras dengan harga dalam sistem kaunter pembayaran.

Sementara itu, Unit SDT mendapati sebanyak 14 unit alat sukat dan timbang digunakan bagi tujuan perniagaan. Kesemua alat berkenaan adalah sah, tepat dan berdaftar dengan Unit SDT selaras dengan Akta Sukatan dan Timbangan, Penggal 151 dan Peraturan-peraturan (Penelitian) Alat-alat Sukatan dan Timbangan, Ceraian 3 (1) dan (2).

Para pembeli dinasihatkan untuk memastikan alat-alat sukat dan timbangan yang digunakan bagi aktiviti jual beli yang melibatkan bacaan tanda berat, isi padu, ukur panjang dan lebar mempunyai pelekat pendaftaran yang mengandungi tempoh penggunaan yang sah yang dikeluarkan oleh Unit SDT.

Dalam kesempatan ini, JPES dan Unit SDT menyarankan orang ramai untuk menyalurkan aduan rasmi serta dokumen sokongan jika mendapati mana-mana peniaga yang melanggar Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Akta Sukatan dan Timbangan, Penggal 151.

Aduan atau sebarang pertanyaan lanjut boleh disalurkan melalui saluran seperti berikut iaitu bagi Akta Kawalan Harga, Penggal 142 : JHEP, JPES melalui Talian Darussalam 123 atau e-mel aduanpengguna@jpes.gov.bn dan bagi Akta Sukatan dan Timbangan, Penggal 151 : Unit SDT melalui e-mel sdt@mofe.gov.bn atau talian +673 2383142.

OPERASI berkenaan bertujuan bagi memastikan kepatuhan para peniaga terhadap Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan peraturan-peraturan di bawahnya serta Akta Sukatan dan Timbangan, Penggal 151.



Selera KAMPUNG Kitani



Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Nasi Goreng Kampung Ikan Masin RPN Kampung Rataie

BAHAN-BAHANNYA :
 Nasi putih
 Isi ikan masin secukupnya
 Minyak masak secukupnya
 3 biji bawang merah
 2 ulas bawang putih
 3 biji lada merah besar
 Kangkung

Secukup rasa

CARA-CARA MEMASAK :
 Panaskan minyak terlebih dahulu setelah itu tumiskan bawang merah dan bawang putih kemudian masukkan isi ikan masin dan lada merah

besar. Setelah bahan tumisan masak akhir sekali masukkan kangkung, nasi dan secukup rasa lalu gaulkan sehati. Setelah nasi goreng masak sempurna, angkat dan sedia untuk dihidangkan.




ELAKKAN MEMANDU DI LORONG KANAN

Kenderaan lain yang datang dari arah berlawanan mungkin akan melanggar lopak air lalu ia akan menyebabkan air terpercik memenuhi cermin hadapan kereta dan menghalang penglihatan anda

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn




ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA KENDERAAN AWDA TERBABAS

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

GABUNGAN MINAT, KREATIVITI, STRATEGI MAMPU BINA JENAMA YANG KUKUH



PENGASAS NZStudios, Awang Mohamed Noorshahrulizam bin Yahya semasa melakukan penggambaran bagi perkhidmatan fotografi house-to-house kepada salah seorang pelanggan beliau (atas dan kanan).

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 Mac. - Dalam era fotografi yang semakin berkembang, minat mendalam serta keazaman tinggi menjadi antara faktor utama kejayaan seseorang jurugambar.

Seiring dengan perkembangan tersebut, perkhidmatan fotografi house-to-house kini menerima sambutan yang menggalakkan dalam kalangan masyarakat tempatan, khususnya menjelang musim perayaan.

Bagi salah seorang

jurugambar iaitu Pengasas NZStudios, Awang Mohamed Noorshahrulizam bin Yahya menjelaskan, sejak ditubuhkan pada tahun 2019, NZStudios telah aktif menawarkan pelbagai perkhidmatan fotografi kepada masyarakat.

Bermula dari tahun 2017 semasa mengikuti Program Discovery Year di Universiti Brunei Darussalam (UBD), minat terhadap fotografi mula berkembang sehingga mendorong beliau menubuhkan syarikat sendiri, NZStudios, pada

tahun 2019.

Penubuhan ini bukan sahaja berasaskan minat, malah turut dipacu oleh semangat keusahawanan serta cabaran ekonomi yang dihadapi ketika pandemik COVID-19. Antara konsep utama yang diperkenalkan ialah sesi fotografi house-to-house, yang memberikan keselesaan kepada pelanggan untuk bergambar di rumah sendiri.

Konsep ini memberi fleksibiliti dari segi pemilihan tempat dan masa, di samping memudahkan pelanggan berkeperluan khas seperti pengguna kerusi roda atau mereka yang menghadapi kesukaran untuk bergerak jauh. Suasana santai di rumah juga

membantu menghasilkan gambar yang lebih natural dan bermakna.

Selain itu, mereka turut menawarkan perkhidmatan fotografi dan video untuk pelbagai acara seperti majlis perkahwinan, majlis berbedak, pertunangan, sambutan hari jadi dan acara korporat. Kepelbagaian ini menunjukkan kemampuan syarikat dalam memenuhi keperluan pelanggan yang berbeza.

Keunikan utama NZStudios terletak pada perkhidmatan house-to-house yang meliputi keempat-empat daerah di negara ini. Tambahan pula jelasnya, pelanggan diberi pilihan pelbagai jenis backdrop yang boleh disesuaikan dengan konsep dan

cita rasa masing-masing, menjadikan setiap sesi fotografi lebih peribadi dan eksklusif.

Walau bagaimanapun, menjalankan sesi fotografi di rumah pelanggan juga mempunyai cabaran termasuk dari segi masa, di mana beliau pernah mengendalikan sehingga lima sesi dalam sehari, terutamanya semasa musim Hari Raya yang memerlukan pengurusan jadual yang sangat teliti agar setiap sesi berjalan tepat pada waktunya.

Dari segi lokasi pula katanya, pergerakan dari Daerah Brunei dan Muara ke Daerah Belait memerlukan perancangan rapi.

Dalam situasi tertentu, tempahan mungkin terpaksa dijadualkan semula ke hari lain sekiranya jarak perjalanan terlalu jauh dan tidak praktikal untuk dipenuhi dalam satu hari.

Beliau menambah, NZStudios mempunyai perancangan berterusan untuk mengembangkan perkhidmatannya di samping menitikberatkan hubungan baik dengan pelanggan untuk membina kepercayaan dan menggalakkan kesetiaan pelanggan.

Justeru, NZStudios membuktikan bahawa gabungan minat, kreativiti dan strategi perniagaan yang baik mampu membina sebuah jenama yang kukuh dalam industri fotografi tempatan.

Evolusi kuih raya tanpa mengabaikan warisan tradisi



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Ihsan E'Rizqi Home Bake

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 Mac. - Sambutan Hari Raya Aidilfitri sememangnya tidak lengkap tanpa kehadiran pelbagai jenis kuih raya yang menjadi hidangan utama di setiap rumah.

Dari biskut moden hingga kuih tradisional, kepelbagaian ini mencerminkan kekayaan budaya serta kreativiti masyarakat tempatan dalam

menyediakan juadah istimewa untuk para tetamu.

Antara kuih yang sentiasa mendapat perhatian apabila tibanya Hari Raya Aidilfitri ialah Kek Tapak Kuda, yang menjadi pilihan popular dalam kalangan penggemar. Kuih ini dikenali dengan bentuknya yang unik menyerupai tapak kuda serta tekstur lembut yang digulung bersama inti yang lazat.

Menurut beberapa pengusaha

kuih tempatan, permintaan terhadap kek tapak kuda meningkat dengan ketara menjelang Hari Raya. Tempahan sering dibuat lebih awal bagi memastikan pelanggan tidak terlepas peluang menikmati kuih tersebut.

Dalam masa yang sama, pembuatan kuih raya kini semakin kreatif. Pengusaha mencuba pelbagai perisa baharu dan hiasan menarik untuk memenuhi selera pelanggan yang berbeza.

Kek Tapak Kuda biasanya



KEK Tapak Kuda biasanya dihasilkan daripada kek span yang gebu, diisi dengan pelbagai jenis inti yang antaranya ialah coklat, durian, keju, kacang dan sebagainya (atas dan kiri).

dihasilkan daripada kek span yang gebu, diisi dengan pelbagai jenis inti yang antaranya ialah coklat, durian, keju, kacang dan sebagainya. Kombinasi rasa manis dan tekstur lembut menjadikannya kegemaran ramai, terutama dalam kalangan generasi muda.

Harga Kek Tapak Kuda juga berbeza-beza bergantung kepada saiz, bahan dan jenis inti yang digunakan. Walaupun ada yang dijual pada harga premium, permintaannya tetap tinggi kerana kualiti dan rasanya yang memuaskan.

Selain Kek Tapak Kuda, kuih raya tradisional seperti Kuih Mor, Tart Nanas dan Biskut Suji masih

mengekalkan tempat istimewa di hati masyarakat. Kuih-kuih ini bukan sahaja enak, malah membawa nilai nostalgia yang mengingatkan kepada suasana raya pada zaman dahulu.

Dengan kepelbagaian pilihan yang ada, pengguna kini mempunyai lebih banyak alternatif untuk disajikan kepada tetamu. Secara keseluruhannya, Kek Tapak Kuda membuktikan bahawa kuih raya sentiasa berevolusi mengikut peredaran zaman tanpa mengabaikan warisan tradisi. Gabungan antara inovasi dan tradisi inilah yang terus memeriahkan sambutan Hari Raya Aidilfitri setiap tahun.



74 tahun Jabatan Penerangan membarigakan maklumat

Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Jabatan Penerangan

HARI ini genaplah 74 tahun usia Jabatan Penerangan mencipta nama di persada tanah air. Tempoh yang agak panjang ini semestinya mempunyai pelbagai perubahan sama ada dari segi infrastruktur mahupun perkhidmatan.

Jabatan ini mula dikenali sebagai Perkhidmatan Penerangan Brunei yang antara lain tujuannya ketika itu bagi menyesuaikan kehendak semasa kerajaan yang memikirkan bahawa sudah tiba masanya bagi sebuah institusi menyebarkan maklumat ditubuhkan.

Sebagai sebuah agensi kerajaan yang menyampaikan maklumat rasmi kerajaan kepada orang ramai, peranan Jabatan Penerangan semakin mencabar. Kaedah komunikasi dipelbagaikan sesuai dengan kehendak pada masa kini. Visi jabatan ini ialah Membudayakan Masyarakat Bermaklumat, manakala misi jabatan ialah Menerajui Penyebaran Maklumat Rasmi yang Sahih secara Efektif, Inovatif dan Berintegriti dalam Mengukuhkan Semangat Kenegaraan Ke Arah Perpaduan Bangsa dan Negara.

Sememangnya Jabatan Penerangan berperanan besar dalam memberikan maklumat tepat tentang dasar kerajaan, menangani maklumat palsu (*fake news*) dan menghubungkan kerajaan dengan rakyat melalui pelbagai saluran media. Jabatan Penerangan mempunyai tiga kaedah penyebaran maklumat iaitu Penerbitan, Inter-personal (bersemuka) dan Teknologi Maklumat dan Media Baharu.

Perkhidmatan

Produk dan perkhidmatan yang disediakan di Jabatan Penerangan ialah Bahan Penerbitan, Galeri Lentera Makmur, Pusat Rujukan Penerangan, Sudut Penerangan, Penjualan Imej Digital, Pengiklanan Pelita Brunei, Akreditasi Media, Penyewaan

Gelanggang Badminton dan Penyewaan Sistem Pembesar Suara.

Melalui beberapa bahagian di jabatan ini, beberapa program telah dilaksanakan bagi mencapai matlamatnya. Pendekatan secara komunikasi bersemuka masih relevan dan diperlukan hingga kini khususnya untuk membina kesetiaan bernegara dan hidup berbangsa yang harmoni.

Program Sua Muka yang dilaksanakan oleh Jabatan Penerangan bersama penduduk-penduduk kampung berfungsi sebagai platform perhubungan dua hala antara kerajaan dan masyarakat setempat bagi berkongsi dasar, isu semasa serta menangani keperluan penduduk kampung.

Program tersebut merupakan salah sebuah aktiviti berterusan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang dikendalikan oleh Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan dalam usaha untuk terus menjalinkan kolaborasi dan kerjasama lebih erat bagi hal ehwal kemasyarakatan.

Program Sua Muka ini dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala di antara pihak kerajaan dan rakyat. Matlamatnya ialah untuk mengukuhkan kesedaran sivik masyarakat agar menjurus ke arah cintakan agama, bangsa, raja dan negara selaras dengan aspirasi kerajaan dan rakyat Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan itu, dalam menyahut fungsi Jabatan Penerangan selaku lidah, mata dan telinga kerajaan, menerusi program tersebut, maklumat-maklumat seperti isu-isu semasa dan dasar kerajaan dikongsikan bersama, di samping menerima maklum balas yang perlu diambil perhatian dan diambil tindakan oleh pihak-pihak berkenaan.

Institusi mukim dan kampung juga mendapat manfaat bersama dengan interaksi kukuh di antara dua institusi ini untuk bergiat aktif dan kukuh menjalankan tugas dan tanggungjawab bersama dalam memeduli kepentingan masyarakat di negara ini.

Program Sua Muka turut diisi dengan

perkongsian maklumat daripada agensi yang dijemput dan sesi dialog bersama penduduk kampung mengenai isu-isu yang dibangkitkan yang antara lain berkaitan prasarana, pengurusan dan penyelenggaraan infrastruktur, kebersihan dan kelestarian persekitaran serta kemudahan dan perkhidmatan komuniti di kawasan berkenaan serta hal-hal lain.

Satu lagi program komunikasi bersemuka ialah program Masyarakat Bermaklumat (PMB). Program ini merupakan satu wadah kerajaan untuk membarigakan mesej-mesej utama kerajaan terutama sekali yang menyentuh dasar dan inisiatif terkini bagi mempertingkatkan kefahaman orang ramai terutama sekali di peringkat akar umbi sekali gus menjadi platform untuk memperkukuhkan penglibatan masyarakat untuk mendapatkan isu, pandangan dan cadangan penambahbaikan.

Terdapat juga program yang melibatkan golongan belia iaitu Program Perkampungan Sivik bagi lepasan ijazah bagi golongan belia dan lepasan ijazah dan remaja penerangan bagi para penuntut Tahun 9 dan 10 di sekolah-sekolah kerajaan dan swasta di seluruh negara.

Program Literasi Penerangan pula dihasrat melahirkan belia yang berilmu, berakhlak, siaga menghadapi cabaran masa depan serta mampu menyumbang ke arah pencapaian Wawasan Brunei 2035. Program Literasi Penerangan merupakan salah satu inisiatif Jabatan Penerangan menggunakan pendekatan 'Whole of Nation' dan 'Whole of Government' yang antara lain dihasratkan untuk melahirkan para belia berwawasan, mempunyai jati diri yang kukuh serta memiliki nilai luhur cintakan agama, bangsa dan negara yang tinggi serta memupuk rasa tanggungjawab ke arah memastikan Wawasan Brunei 2035 tercapai dengan jayanya.

Sepanjang program peserta didedahkan dengan pelbagai maklumat semasa yang antaranya menyentuh pembangunan dan isu semasa belia dan dasar kerajaan, melalui

pengisian taklimat, pelaksanaan aktiviti interaktif serta lawatan ke beberapa agensi terpilih.

Melalui Media Cetak pula, Jabatan Penerangan melalui PELITA BRUNEI sebagai lidah rasmi kerajaan, berusaha membudayakan masyarakat bermaklumat kepada seluruh rakyat dan penduduk di negara ini, menjadi bahan rujukan ramai kerana kesahihan berita yang tidak dapat dipertikaikan malah menjadi tempat para penulis berkarya. Lain-lain produk turut dijual di jabatan ini antaranya Himpunan Titah, Himpunan Sabda, Kompilasi Sabda Anakanda, Haluan, Brunei Darussalam Negaraku dan lain-lain. Untuk memudahkan orang ramai, maklumat-maklumat terkini turut dimuat naik secara harian di media-media sosial Jabatan Penerangan. Orang ramai boleh melayari Facebook : *Jabatan Penerangan Brunei Darussalam*, Instagram : *@infodept.bn* dan X : *@infodept_bn*.

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Jabatan Penerangan dalam memantapkan lagi visi 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat' akan sentiasa mempelbagaikan platform pembarigaan maklumat mengenai dasar dan aktiviti kerajaan di samping memberikan peluang untuk Jabatan Penerangan untuk lebih memahami lagi kehendak semasa dalam kalangan belia.

Jabatan ini juga secara berterusan akan mendidik masyarakat ke arah menghormati dan mengamalkan nilai-nilai luhur dan murni bagi menjadikan negara cemerlang dan tetap selama-lamanya dihormati.

Gerak kerja Jabatan Penerangan akan terus berperanan dalam memartabatkan negara, memperkukuh perpaduan bangsa dan sentiasa mempertahankan nilai-nilai luhur masyarakat kita yang berteraskan ajaran agama Islam.



RIANG RIA BERHARI RAYA BERSAMA KANAK-KANAK

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 Mac. – Hari Raya Aidilfitri bukan sahaja peluang bagi kita untuk bermaaf-maafan dan membersihkan hati malah untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan, sama ada yang dekat ataupun jauh.

Bukan itu sahaja, Hari Raya ini adalah sebagai cara kita untuk mengisi masa lapang bersama keluarga dengan kunjung-mengunjungi ke rumah adik-beradik, saudara-mara, jiran tetangga dan sahabat handai.

Bahkan, kemeriahan sambutan Hari Raya turut sama dirasakan oleh kanak-kanak di negara ini. Keceriaan dan kegembiraan dalam menyambut Hari Raya ini jelas terpancar di wajah mereka.

Biasanya, kanak-kanak akan memakai baju baharu yang cantik dan berwarna-warni, bermaaf-maafan serta menikmati pelbagai hidangan raya seperti kuih-muih, minuman dan



ANTARA momen bahagia bagi kanak-kanak semasa Hari Raya Aidilfitri dengan bersalam-salaman dan berswafoto dengan ahli keluarga (atas dan kiri).

sebagainya.

Selain itu, kanak-kanak juga merakam momen-momen bahagia mereka dengan berswafoto dengan ahli keluarga dan melakukan aktiviti Hari Raya dengan mengikuti pertandingan tarian dan nyanyian trend di TikTok.

Dengan cara berkenaan bukan sahaja menggambarkan suasana meriah dalam kalangan kanak-kanak yang merayakan hari istimewa ini tetapi menjadikan suasana Hari Raya lebih bermakna dan berkesan dalam kehidupan mereka.

سوروهنجاي قرحدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

1

2

Bahagian	Status	Tahap
I	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	20
II	PROSES PERAKUIAN	20
III	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	20
IV	TIDAK HADIR	20
V	DITOLAK SELEPAS TEMU DUGA	20
VI	PEMOHON DITERIMA	20

3

ALAI PINTAR

SOALAN 170

SOALAN 1 APRIL 2026, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

1. Bilangan murid dalam kelas ialah 30 orang. Jika 18 orang murid lelaki, berapa orangkah murid perempuan?
 - a) 25
 - b) 5
 - c) 12
2. Pilih ayat yang menggunakan kata hubung dengan betul.
 - a) Ali membaca kerana buku
 - b) Ali membaca tetapi buku
 - c) Ali membaca dan menulis buku
3. Apakah fungsi hidung pada manusia?
 - a) Melihat
 - b) Mendengar
 - c) Menghidu bau

TARIKH TUTUP : 11 APRIL 2026

SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
 - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
3. Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian +673 7293554 atau emel ke pelita.brunei@information.gov.bn
4. Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama :

Tarikh Lahir :

No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :

Sekolah :

Tahun :

Alamat :

Nombor Telefon (mudah dihubungi) :

HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER.

PEMENANG ALAI PINTAR 169 :

Nama : Mohd. Darwish Danial bin Abdullah
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0125174-01. Sekolah : Sekolah Rendah Dato Mohd Yassin, Mentiri

Nama : Ak. Isham Mustaqim bin Pg. Hibatullah Khairul Arifin
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0151335-01. Sekolah : Seri Mulia Sarjana School

Nama : Syana Adryane binti Shamsul Rizal
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0138027-01. Sekolah : Chung Hwa School, Tutong

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 169

1. B – Gembira
2. A – Batu
3. B – 0.5



PIHAK BERKUASA REPUBLIK SINGAPURA RAMPAS 240 ROKOK ELEKTRONIK, KOMPONEN BERKAITAN

REPUBLIK SINGAPURA, 30 Mac. - Penguasa Imigresen dan Pusat Pemeriksaan (ICA) Republik Singapura merampas lebih 240 rokok elektronik dan komponen berkaitan antara 24 dan 27 Mac lepas.

Dalam catatan Facebook pada Ahad, pihak berkuasa itu memaklumkan ia mengesan 42 kes pengembara memiliki rokok elektronik serta mereka yang secara sukarela melupuskannya dalam tempoh tersebut.

Menurut ICA, 52 peratus daripada kes itu melibatkan pelawat jangka pendek dan 48

peratus ialah penduduk Republik Singapura termasuk warganegara, pemastautin tetap dan pemegang pas jangka panjang.

Agensi itu menyatakan akan terus menyokong usaha keseluruhan kerajaan terhadap rokok elektronik menerusi pemeriksaan dipertingkatkan di pusat pemeriksaan udara, darat

dan laut Republik Singapura.

"Pemeriksaan ini bertujuan untuk mengesan dan menghalang percubaan menyeludup rokok elektronik ke Republik Singapura.

"ICA terus komited dalam

melindungi sempadan daripada individu, kargo dan kenderaan yang tidak diingini, termasuk percubaan untuk menyeludup rokok elektronik," katanya. - ©BERNAMA

Amaran cuaca buruk di selatan Republik Rakyat China

BEIJING, 30 Mac. - Pusat Meteorologi Kebangsaan Republik Rakyat China pada Isnin mengeluarkan amaran untuk hujan lebat, cuaca perolakan buruk dan kabut tebal, ketika ribut terus memberi kesan kepada wilayah selatan negara itu, lapor Xinhua.

Menurut ramalan cuaca, dari 8 pagi Isnin hingga 8 pagi Selasa, bahagian timur barat daya Republik Rakyat China, kawasan di selatan Sungai Yangtze dan China Selatan akan mengalami cuaca perolakan yang teruk termasuk ribut petir dan kemungkinan hujan batu.

Di sesetengah kawasan, terutamanya tenggara Hunan di tengah Republik Rakyat China, selatan Jiangxi di timur Republik Rakyat China, tengah dan timur Guizhou di barat daya Republik Rakyat China, dan sebahagian di selatan Republik Rakyat China Guangdong, puting beliung mungkin berlaku di lokasi terpencil, menurut ramalan cuaca itu.

Kawasan termasuk utara dan timur Guangxi di selatan Republik Rakyat China, utara dan barat Guangdong, selatan Hunan, selatan Jiangxi, barat Fujian di timur Republik Rakyat China, selatan Chongqing di barat daya Republik Rakyat China dan utara Guizhou akan mengalami hujan sederhana hingga lebat.

Beberapa kawasan di timur laut Guangxi dan barat laut Guangdong diramalkan mengalami hujan lebat. Selain itu, kabut tebal dijangka berlaku pada pagi Isnin.

Kawasan yang terjejas termasuk selatan Chongqing, tengah Hunan, utara-tengah Jiangxi, selatan Zhejiang di timur Republik Rakyat China, utara-tengah Fujian dan utara Guangxi, dengan jarak penglihatan di beberapa lokasi di bawah 200 meter.

Pihak berkuasa dan penduduk dinasihatkan supaya mengambil langkah berjaga-jaga terhadap kesan cuaca itu ke atas pengangkutan, pertanian dan operasi bandar, serta sentiasa berwaspada terhadap bencana sekunder seperti banjir kilat, tanah runtuh dan air bertakung di kawasan lading. - ©BERNAMA

Cuaca panas bantu hasil mangga harum manis lebih berkualiti

ALOR SETAR, 30 Mac. - Fenomena cuaca panas yang melanda Kedah ketika ini membawa rahmat kepada pengusaha mangga harum manis kerana membantu menghasilkan buah yang lebih manis dan berkualiti tinggi musim ini.

Pengerusi Jawatan kuasa Pertanian, Perladangan dan Pengangkutan Kedah Dzowahir Ab Ghani berkata negeri itu antara kawasan paling sesuai untuk penanaman harum manis, dengan kemanisan buah keluaran Kedah Harumanis D'Aman sudah diiktiraf ramai.

"Sebab itu permintaannya tinggi sehingga tidak mencukupi. Sekarang hanya ada 150,000 pokok harum manis sahaja dan kita menyasarkan untuk menanam 100,000 pokok setahun.

"Kalau perancangan ini berjaya dalam tempoh lima tahun, kita mampu menanam 500,000 pokok dan apabila hasil meningkat, kita boleh memenuhi permintaan dari dalam dan luar negara," katanya kepada pemberita pada sidang media Fiesta Mempelam Harumanis D'Aman Kedah 2026 di sini hari ini.

Beliau berkata festival itu diadakan dari 30 April hingga 3 Mei di Tok Keling, Alor Setar dan penganjur boleh belajar serta mendapatkan maklumat berkaitan tanaman harum manis daripada pengusaha serta Jabatan Pertanian.

Dalam perkembangan lain, Dzowahir berkata suhu yang boleh mencecah sehingga 40 darjah Celsius itu memberi kesan kepada tanaman padi dengan banyak aduan diterima daripada pesawah, dan kerajaan negeri sedang mengkaji kawasan yang sesuai untuk membina telaga tiub.

"Kita mahu memastikan pesawah mendapat bekalan air untuk tanaman padi mereka. Banyak kawasan sudah merekah kerana tiada air, namun perkara ini di luar kawalan kita. Sebab itu kerajaan negeri mengambil langkah awal mengorek telaga tiub.

"Ini antara usaha jangka pendek yang dilaksanakan, namun kita meminta Kerajaan Pusat mengkaji secara menyeluruh bagaimana untuk menghadapi cuaca panas berterusan pada masa hadapan," katanya.

Sementara itu, pengusaha Harumanis D'Aman Datuk Mohd. Yusof Ismail menyambut baik usaha kerajaan negeri meningkatkan tanaman itu di Kedah kerana bekalan buah berkenaan pada masa ini tidak mencukupi untuk dipasarkan ke luar negara.

"Sekarang di Kedah hanya ada 150,000 pokok dan tidak mampu menampung pasaran sehingga harga boleh mencecah RM50 sekilogram ke atas kerana permintaan tinggi. Tahun ini, syukur buah menjadi kerana pada peringkat awal berbunga, suhu antara 35 hingga 36 darjah Celsius," katanya. - ©BERNAMA

Pertamina sasar platform Manpatu siap suku ketiga 2026

JAKARTA, 30 Mac. - Syarikat tenaga berkaitan kerajaan Republik Indonesia PT Pertamina Hulu Mahakam (PHM) menyasarkan platform Manpatu luar pesisirnya di Kalimantan Timur siap pada awal suku ketiga 2026, dengan gas pertama dijangka pada suku pertama 2027.

Pengurus Besar PHM Setyo Sapto Edi berkata fasiliti itu direka bentuk untuk memproses sehingga 80 juta kaki padu gas standard sehari.

"Pembangunan penemuan telaga penerokaan Manpatu di medan luar pesisir Mahakam

Selatan sedang berjalan," katanya, menurut Agensi Berita ANTARA pada Isnin.

Setyo berkata projek itu terletak kira-kira 35 kilometer dari pesisir pantai Balikpapan di perairan dengan kedalaman 50 hingga 60 meter.

Pembangunan itu termasuk pembinaan bahagian atas seberat sekitar 2,400 tan, pemasangan kira-kira 2.5 kilometer saluran paip dasar laut dan penggerudian 11 telaga pembangunan.

Beliau berkata projek Manpatu telah mencatatkan kemajuan

dalam penggunaan komponen tempatan termasuk penggunaan paip pengeluaran sepenuhnya buatan dalam negara buat pertama kali di kawasan Mahakam.

Projek itu juga mencapai lebih dua juta jam kerja tanpa kejadian masa hilang (LTI) setakat Mac 2026.

"Projek Manpatu sedang dilaksanakan di bawah skim pantas berikutan penemuan gas pada 2022, dengan kemudahan itu disasarkan untuk mula beroperasi pada suku pertama 2027," katanya. - ©BERNAMA

Kemboja lulus undang-undang penjara seumur hidup dalang sindiket penipuan

PHNOM PENH, 30 Mac. - Perhimpunan Kebangsaan Kemboja pada Isnin meluluskan draf undang-undang untuk memerangi penipuan dalam talian, yang akan membawa hukuman penjara hingga 30 tahun atau penjara seumur hidup ke atas ketua atau dalang sindiket penipuan, lapor Xinhua.

Sebanyak 112 ahli parlimen yang hadir sebulat suara meluluskan draf rang undang-undang itu.

Menurut rang undang-undang itu, ketua sindiket dalam talian akan berdepan antara 15 dan 30 tahun atau penjara seumur hidup jika operasi mereka membawa kepada satu atau banyak kematian.

Ketua pusat penipuan dalam talian akan berdepan hukuman penjara lima hingga 10 tahun dan denda hingga 1 bilion riel (USD250,000). Jika operasi mereka melibatkan keganasan, penyuksaan, kurungan haram, pemerdagangan manusia atau buruh paksa, mereka boleh

berdepan penjara 10 hingga 20 tahun dan denda sehingga 2 bilion riel (USD500,000).

Penipu dalam talian, sementara itu, akan dipenjara dua hingga lima tahun dengan denda sehingga 500 juta riel (USD125,000).

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman Koeut Rith berkata Kemboja adalah satu daripada banyak negara di rantau ini yang menghadapi penjenayah penipuan dalam talian.

"Jenayah ini bukan sahaja menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam secara serius, tetapi juga menjejaskan reputasi dan imej Kemboja di persada antarabangsa," katanya kepada parlimen.

Koeut Rith berkata undang-undang itu akan "meningkatkan keberkesanan memerangi penipuan dalam talian, bertujuan untuk menjaga keselamatan dan ketenteraman awam serta meningkatkan keberkesanan kerjasama dalam memerangi penipuan dalam

talian".

Draf rang undang-undang itu perlu disemak semula oleh Dewan Negara sebelum diserahkan kepada Raja Norodom Sihamoni untuk diisytiharkan.

Kerajaan julung kali melancarkan operasi penguatkuasaan di seluruh negara ke atas rangkaian penipuan siber demi memastikan sekuriti sosial, keselamatan dan ketenteraman awam, dan untuk memulihkan imej kerajaan di pentas antarabangsa.

Negara Asia Tenggara itu komited untuk menghapuskan semua pusat penipuan dalam talian menjelang April tahun ini.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri Sar Sokha berkata pada Februari, Kemboja telah menghantar pulang lebih 30,000 suspek warga asing, dan lebih 210,000 yang lain secara sukarela meninggalkan negara itu selepas operasi menentang penipuan dalam talian dipergiat sejak Jun 2025. - ©BERNAMA

3 lukisan oleh Renoir, Cezanne dan Matisse dicuri dari muzium Republik Itali

ROME, 30 Mac. - Tiga karya agung oleh seniman Republik Perancis, Pierre-Auguste Renoir, Paul Cezanne dan Henri Matisse telah dicuri dalam satu rompakan di sebuah muzium berhampiran Parma di utara Republik Itali, lapor agensi berita Ansa Itali pada hari Ahad.

Kecurian itu berlaku pada malam antara 22 Mac dan 23 Mac di Yayasan Magnani-Rocca di Mamiano di Traversetolo, yang merupakan sebuah muzium seni

yang menempatkan koleksi karya yang luas oleh seniman utama Eropah.

Menurut Ansa, sekumpulan pencuri profesional telah masuk secara paksa melalui pintu pagar ke muzium dan mencuri lukisan-lukisan tersebut dengan cepat. Rakaman pengawasan menunjukkan suspek dengan muka mereka ditutup.

Karya-karya yang dicuri termasuk "Les Poissons" (1917) karya Renoir, "Tasse et plat de cerises" (1890)

karya Cezanne, dan "Odalisque sur la terrasse" (1922) karya Matisse. Ketiga-tiga karya seni tersebut, yang bernilai jutaan euro, merupakan sebahagian daripada koleksi tetap muzium dan dipamerkan di galeri yang dihaskan untuk seni Republik Perancis.

Pihak berkuasa Republik Itali telah melancarkan siasatan intensif, dan kes tersebut dianggap sebagai salah satu kecurian seni paling ketara di Republik Itali sejak kebelakangan ini. - ©XINHUA

EKONOMI LUAR BANDAR BERKEMBANG MAJU DI BANDAR TUAN RUMAH FORUM BOAO



SEORANG kakitangan semasa menyiram tanaman di luar lokasi Persidangan Tahunan Forum Boao untuk Asia (BFA) 2026 di Boao, wilayah Hainan, selatan China.

kampung telah memulakan perniagaan inap desa dan pertanian, meningkatkan pendapatan mereka daripada pelancongan, menurut Fu.

Di kedua-dua tebing Sungai Wanquan, kampung-kampung seperti Nanqiang telah berwajah baharu, setiap satunya bersedia dengan caranya sendiri untuk menyambut tetamu dari dalam dan luar negara.

Di hilir sungai, Kampung Liuke, yang terletak di persimpangan darat dan air utama dengan budaya yang kaya, telah sibuk menaik taraf kemudahan pelancong kebelakangan ini.

Untuk memanfaatkan peluang perniagaan yang dicipta oleh BFA, Liuke telah membina sebuah "dewan penerimaan tetamu" baharu, sebuah tarikan pelancongan luar bandar yang diilhamkan oleh idea Qionghai untuk menjadikan kampung-kampung berdekatan di sekitar tempat BFA sebagai ruang mesyuarat tidak rasmi untuk peserta persidangan dengan pemandangan yang indah.

Hampir separuh daripada lebih 500,000 penduduk tetap Qionghai tinggal di kawasan luar bandar.

Ekonomi luar bandar yang diperkukuh adalah penting untuk kesejahteraan mereka.

Menggalakkan pemulihan luar bandar kekal sebagai salah satu keutamaan dasar Republik Rakyat China. Republik Rakyat China melancarkan "dokumen pusat No. 1" untuk 2026 pada bulan Februari, menggariskan rancangan untuk memajukan pemodenan pertanian dan luar bandar serta menggalakkan pemulihan luar bandar secara menyeluruh. Rancangan Lima Tahun ke-15 (2026-2030) yang baru dikeluarkan juga menyeru peningkatan pelaburan dalam pemulihan luar bandar.

Tidak jauh dari tempat BFA, satu lagi tarikan baru-baru ini menjadi tumpuan: "Tingkap Buah-buahan Tropika Dunia", sebuah projek demonstrasi sains dan teknologi pertanian komprehensif yang dibangunkan oleh Grand Agriculture, sebuah syarikat perniagaan pertanian. Tapak ini, yang terletak di Perbandaran Dalu di Qionghai, mengintegrasikan penanaman dan pameran varieti buah-buahan tropika baharu dari seluruh dunia.

Seiring dengan kemasyhuran antarabangsa Boao, syarikat itu juga bercita-cita untuk membina takungan buah-buahan tropika bertaraf dunia, seperti yang dicadangkan oleh nama "Window of World Tropical Fruits".

Pengunjung di tapak ini boleh menemui buah-buahan yang jarang dilihat, termasuk limau nipis sebesar jari dengan manis pulpa yang menyerupai kaviar dan "buah ajaib" sebesar kacang tanah yang

boleh mengubah rasa makanan buat sementara waktu.

Digelar bank gen buah-buahan tropika Republik Rakyat China, syarikat itu telah mengumpulkan lebih daripada 700 varieti germplasm buah-buahan tropika yang jarang ditemui, berjaya menanam lebih 450 daripadanya dalam percubaan, dan membawa lebih 50 varieti buah-buahan ke rak pasaran, menurut Chen Bing, ketua agronomi syarikat.

Syarikat itu bekerjasama dengan kampung-kampung berdekatan, menyediakan anak benih, teknologi dan sokongan pemasaran, manakala koperasi luar bandar dan petani menanam buah-buahan selaras dengan protokol teknikal syarikat. Syarikat itu kemudian membeli balik, membungkus, melabel dan menjual hasilnya.

Setakat ini, lebih daripada 40 jenis buah-buahan tropika telah dilancarkan di pasaran melalui kerjasama ini. Penduduk kampung juga mengisi kekosongan jawatan syarikat, daripada penanaman anak benih hinggalah peranan perkhidmatan dan keselamatan.

Chen melahirkan harapannya agar persidangan BFA tahunan dapat membawa lebih banyak peluang untuk pertukaran antarabangsa - untuk mempromosikan varieti, teknologi dan amalan industri pertanian Republik Rakyat China kepada dunia, di samping memperkenalkan varieti dan teknologi asing yang berkualiti tinggi. - ©XINHUA

HAIKOU, 31 Mac. - Bayu pantai membawa aroma bunga-bunga merentasi ladang bunga di sebuah kampung di pekan pesisir Boao, Wilayah Hainan selatan Republik Rakyat China. Di tengah-tengah "lautan" bunga, pelancong bergambar dan berkongsi pemandangan yang menakjubkan bersama keluarga dan rakan-rakan.

Sekitar musim bunga, hamparan ladang bunga yang luas di Kampung Nanqiang, yang terletak di Pekan Boao, Bandar Qionghai, berkembang mekar untuk mengalu-alukan acara utama: Forum Boao untuk Asia (BFA), yang diadakan di Boao setiap tahun.

Selain memupuk perbincangan dan mengumpulkan kebijaksanaan mengenai isu-isu utama, perhimpunan global ini juga telah menyuntik daya hidup ke

dalam ekonomi luar bandar di kampung-kampung sekitar tempatnya, kerana acara berprofil tinggi ini membawa tetamu persidangan, pelancong yang ingin tahu, dan sumber lain ke lokasi tersebut.

Ladang bunga Nanqiang telah menjadi sensasi dalam talian, walaupun sebelum BFA tahun ini, yang berlangsung dari 24 hingga 27 Mac. "Ia merupakan tempoh melihat bunga yang utama kebelakangan ini, dan kawasan ini kini menarik ribuan pengunjung setiap hari - sehinggakan seorang penduduk kampung memberitahu saya lebih 800 biji kelapa telah dijual dalam satu hari," kata Fu Cui, ketua Parti kampung itu.

Berkat daya tarikan forum itu dalam menarik pelancong ke Boao walaupun di luar tempoh persidangan, ramai penduduk

Sekatan media sosial bawah 16 tahun bukan pendekatan tepat - Ketua Google UK

LONDON, 31 Mac. - Sekatan media sosial ke atas kanak-kanak berumur bawah 16 tahun bukanlah 'pendekatan yang tepat' dan boleh mendorong golongan itu ke arah sudut internet yang lebih berbahaya dan tanpa pengawasan, ketua Google di United Kingdom (UK) memberi amaran, lapor PA Media/dpa.

Pengarah Urusan dan Naib Presiden Google UK dan Ireland Kate Alessi memberitahu Press Association, syarikat teknologi gergasi yang memiliki YouTube tidak menyokong 'larangan menyeluruh' susulan kerajaan UK berdepan peningkatan gesaan untuk menghalang kanak-kanak mendapatkan akses kepada media sosial.

Perdana Menteri UK Keir Starmer memberi isyarat pada

hujung minggu bahawa beliau bersedia untuk mengambil tindakan bagi membendung ciri-ciri yang menyebabkan golongan muda ketagih dengan media sosial, dan kerajaan sedang berunding mengenai melarang terus (media sosial) untuk kanak-kanak bawah 16 tahun.

Kes mahkamah yang menarik perhatian di Amerika Syarikat minggu lepas menyaksikan pemilik Facebook Meta dan Google didapati bertanggungjawab ke atas ketagihan media sosial pada zaman kanak-kanak seorang wanita, menerusi reka bentuk produk berciri ketagihan secara sengaja.

Kedua-dua syarikat berkenaan diperintahkan untuk membayar

ganti rugi sebanyak AS\$6 juta antara mereka.

Alessi berkata Google tidak bersetuju dengan keputusan itu dan merancang untuk merayu.

Beliau berkata larangan media sosial bukanlah jawapan kepada kesejahteraan dalam talian kanak-kanak dan memberi amaran jika negara seperti UK mengikut Australia, negara pertama memperkenalkan larangan media sosial untuk kanak-kanak bawah 16 tahun pada Disember, ia boleh menyebabkan kesan yang tidak diingini.

Alessi memberitahu PA: "Kami tidak percaya itu pendekatan yang betul.

"Kami percaya larangan menyeluruh merampas pilihan daripada ibu bapa dan

menjauhkan anak-anak daripada ruang yang diawasi".

Tetapi beliau berkata adalah penting 'pengadang yang sesuai' disediakan, dengan YouTube baru-baru ini memperkenalkan fungsi untuk membantu mencegah tingkah laku ketagihan dalam kalangan kanak-kanak dan remaja, seperti penetapan masa untuk video pendek (Shorts), serta fungsi 'Waktu Tidur' dan 'Berehat'.

"Kami mahu memastikan

produk kami dibina dengan selamat," kata Alessi.

"Kami akan bekerjasama dengan kerajaan dan terus bersama mereka ketika usaha ini dijalankan," tambahnya.

Ulasan Alessi dibuat selepas Google mengumumkan program komuniti terbaharunya untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran Kecerdasan Buatan (AI) bagi membantu rakyat Britain memajukan diri secara profesional. - ©BERNAMA

16 terbunuh, 10 cedera dalam serangan geng di Haiti

PANAMA CITY, 31 Mac. - Sekurang-kurangnya 16 maut dan 10 yang lain cedera dalam siri serangan geng 'Gran Griff' di kawasan kejiranan Jean Denis di wilayah Artibonite Haiti, kata polis Haiti pada Isnin, manakala pegawai tempatan menyatakan angka kematian sekitar 70 orang, lapor Xinhua.

Serangan berlaku pada malam Sabtu hingga awal Ahad, dengan keganasan dilaporkan turut tercetus awal pagi Isnin, lapor media tempatan.

Lelaki bersenjata menasarkkan penduduk dan membakar beberapa rumah, memaksa sejumlah besar

orang melarikan diri dan menyebabkan kecederaan teruk serta kerosakan harta benda, menurut laporan itu.

Polis Negara Haiti berkata 16 kematian dan 10 kecederaan telah disahkan berdasarkan maklumat terkini.

Pihak berkuasa berkata angka sebenar mangsa masih menunggu pengesahan kerana beberapa kawasan masih sukar untuk diakses dan masih terdapat kematian yang belum direkodkan.

Pegawai tempatan memberitahu media serangan itu membunuh kira-kira 70 orang dan

mencederakan ramai yang lain, memberi amaran bahawa jumlah kematian dijangka meningkat.

Sesetengah mangsa mungkin kekal di dalam rumah yang terbakar sekali gus merumitkan pengiraan, kerana beberapa laporan media mencadangkan jumlah kematian boleh melebihi 85.

Haiti bergelut dengan keadaan keselamatan yang semakin merosot sejak beberapa tahun kebelakangan ini, apabila kumpulan bersenjata meluaskan kawalan mereka merentasi pelbagai wilayah dan insiden ganas semakin kerap berlaku. - ©BERNAMA

Republik Rakyat China jayakan penerbangan sulung UAV pengangkut kategori 7 tan

ZHENGZHOU, 31 Mac. - Penerbangan sulung pesawat tanpa pemandu (UAV) pengangkut kategori tujuh tan yang pertama di Republik Rakyat China, Norinco Luca, berjaya dilaksanakan di Lapangan Terbang Shangjie di sini pada pagi Isnin.

Norinco Luca yang dibangunkan berdasarkan kepakaran tempatan merupakan platform pengangkutan tanpa pemandu kategori tujuh tan pertama di negara itu yang telah lulus ujian penerbangan sebenar.

Penggunaan UAV yang digelar sebagai 'treler udara' itu menandakan lonjakan signifikan Republik Rakyat China dalam bidang kelengkapan logistik pintar berteknologi tinggi bagi pengangkutan udara.

Norinco Luca dilengkapi kabin kargo berkapasiti 18 meter padu dengan berat ketika berlepas mencecah tujuh tan. Ia mampu membawa muatan maksimum 3.5 tan sekali gus memenuhi keperluan penghantaran barangan biasa, rantaian sejuk beku, makanan segar serta kelengkapan kecemasan.

Selain itu, pesawat itu mempunyai jarak penerbangan maksimum melebihi 3,000 kilometer.

'Treler udara' itu boleh digunakan bagi pengangkutan logistik jarak jauh, penghantaran bantuan kecemasan, pembekalan barangan ke kawasan sempadan, serta operasi di kawasan yang kompleks sekali gus menyediakan sokongan peralatan kepada pembangunan ekonomi ruang udara rendah dan sistem jaminan kecemasan. - ©BERNAMA



SYARAT PENYERTAAN LEBIH SUKAR : PENSTRUKTURAN SEMULA SUKAN MARATON



SEBAHAGIAN peserta yang menyertai Maraton Wuhan 2026 pada 22 Mac 2026.

WUHAN, 31 Mac. - Ledakan sukan maraton Republik Rakyat China kini memasuki fasa baharu, dengan jumlah perlumbaan yang berkurangan, syarat penyertaan yang lebih ketat dan peningkatan permintaan sedang membentuk semula sukan berkenaan.

Ketika musim perlumbaan musim bunga bermula, perbezaannya jelas lebih sedikit perlumbaan, tetapi permintaan yang melonjak dan piawaian yang lebih tinggi. Menurut Chinese Athletics Association, sebanyak 39 maraton telah diadakan di seluruh negara sejak dua hujung minggu lalu, menurun daripada 57 dalam tempoh yang sama tahun lalu.

Namun, semangat tidak berkurangan. Sebaliknya, penyertaan semakin sengit, dengan perlumbaan utama mencatatkan jumlah permohonan yang tinggi dan peluang penyertaan yang semakin tipis.

Perubahan ini susulan beberapa perubahan dasar yang diperkenalkan sejak akhir 2025, termasuk garis panduan yang

lebih ketat mengenai penganjuran perlumbaan dan rangka kerja perintis untuk acara larian jalan raya berskala besar. Langkah-langkah ini bertujuan untuk mengawal perkembangan pesat yang sebelum ini kadangkala tidak teratur.

Maraton berkembang pesat di seluruh Republik Rakyat China dalam beberapa tahun kebelakangan ini, sering didorong oleh kerajaan tempatan yang ingin meningkatkan pelancongan dan keterlihatan. Tetapi lonjakan itu juga mendedahkan kelemahan dalam pengurusan, keselamatan dan pengagihan sumber.

Di bawah peraturan baharu, akauntabiliti telah diperketatkan. Penganjur kini mesti beroperasi di bawah struktur tanggungjawab yang lebih jelas yang dipimpin oleh pihak berkuasa tempatan, mengukuhkan prinsip bahawa 'penganjur bertanggungjawab sepenuhnya'.

Kesannya sudah dapat dilihat. Di wilayah Hubei, jumlah perlumbaan yang diluluskan dijangka menurun kepada 22

tahun ini, berbanding 31 pada tahun 2025.

"Kebanyakan pengurangan melibatkan di peringkat daerah," kata Ketua Persatuan Olahraga Wilayah, Zhang Hua. "Acara yang tidak mempunyai keupayaan kewangan atau organisasi yang mencukupi telah dikurangkan."

Bagi pelari, pengurangan jumlah perlumbaan tidak menjejaskan minat. Maraton Wuxi 2026 menarik hampir 500,000 permohonan, menunjukkan peningkatan mendadak dalam permintaan, dengan kadar kemasukan separuh maraton serendah 2.9 peratus. Maraton Wuhan mencatatkan lebih daripada 450,000 pendaftaran, manakala beberapa perlumbaan lain termasuk di Lanzhou, Chongqing dan Xiamen, juga menyaksikan lebih daripada 200,000 permohonan.

Di sebalik pengurangan bilangan perlumbaan, matlamat utama adalah untuk meningkatkan kualiti.

"Teras dasar baharu bukanlah untuk mengahadkan perlumbaan, tetapi untuk memperbaikinya," kata perunding sukan Zhang Qing. "Ia menangani isu-isu yang telah lama wujud dan bertujuan untuk menjadikan acara lebih adil, selamat dan lebih profesional."

Keadilan bermula dengan sistem penyertaan. Sebelum ini, sebahagian tempat diperuntukkan kepada pelari jemputan, penaja dan pihak berkepentingan lain, sekali gus mengurangkan kuota untuk undian awam. Kini, peraturan menetapkan sekurang-kurangnya 90 peratus penyertaan diperuntukkan kepada orang awam.

Di Maraton Wuxi yang terkenal dengan bunga sakura, pelari elit dan jemputan hanya merangkumi sedikit lebih sembilan peratus daripada jumlah tempat, kadar terendah dalam tempoh lima tahun.

Keselamatan kini menjadi

tumpuan utama. Penganjur dikehendaki memperkukuh pengurusan risiko, manakala pelari digalakkan untuk menerima pakai pendekatan yang lebih berhati-hati dan mengutamakan penamatan perlumbaan berbanding prestasi.

Di bawah syarat baharu, peserta maraton penuh secara amnya dikehendaki berumur sekurang-kurangnya 20 tahun, dan sesetengah acara memerlukan bukti pengalaman perlumbaan terdahulu, seperti satu maraton penuh atau dua separuh maraton yang diselesaikan dalam tempoh dua tahun yang lalu. Peserta separuh maraton juga mungkin memerlukan keputusan yang diperakui daripada sekurang-kurangnya dua perlumbaan sejauh 10 kilometer atau lebih.

"Meningkatkan piawaian adalah tentang melindungi nyawa pelari," kata Zhang Hua. "Bagi pelari amatir, tujuan berlari maraton adalah untuk kekal cergas, bukan mengejar pencapaian peribadi terbaik atau menolak had secara membuta tuli."

Pelari veteran, Chen Weixin berkata, peraturan baharu ini menawarkan perlindungan yang diperlukan kepada pemula. Lelaki berusia 56 tahun itu mengimbas kembali pengalaman rebah semasa maraton pertamanya sedekad yang lalu kerana kekurangan latihan.

"Saya penganjur semasa perlumbaan dan dibawa ke hospital untuk rawatan kecemasan," katanya. "Tanpa latihan yang mencukupi, peserta baharu berisiko tinggi mengalami kemalangan. Peraturan yang lebih ketat boleh mendorong peserta untuk mengambil sukan ini dengan lebih serius."

Pemerhati industri mengatakan rangka kerja baharu itu menandakan peralihan ledakan maraton Republik Rakyat China

daripada pengembangan pesat kepada pertumbuhan yang lebih berstruktur.

Perlumbaan peringkat tertinggi kekal sebagai pemacu ekonomi penting. Maraton Wuxi menarik lebih daripada 90 peratus pesertanya dari luar bandar, menjana anggaran perbelanjaan sebanyak 510 juta yuan (USD73.7 juta) merentasi sektor pelancongan, hospitaliti dan pengangkutan.

"Mengurangkan kuantiti adalah tentang memutuskan kitaran acara yang berkualiti rendah dan berulang," kata Wang Xiangfei, seorang profesor di Wuhan Sports University. "Perlumbaan yang tidak teratur dan penyertaan yang rendah akhirnya akan menjejaskan seluruh industri."

Sementara itu, peluang muncul untuk acara yang lebih kecil dan lebih khusus. Perlumbaan jarak pendek, yang dahulunya digabungkan ke dalam acara maraton utama, kini diasingkan dan digalakkan sebagai pertandingan yang berdiri sendiri, bagi menyesuaikan penawaran dengan tahap permintaan yang berbeza.

Di Wuxi, Maraton Separuh Yangshan, yang terkenal dengan bunga pic, telah disusun semula menjadi perlumbaan elit sejauh 10 kilometer sambil mengekalkan piawaian pensijilan yang tinggi. Penganjur berkata perubahan itu membolehkan mereka memperhalusi acara tersebut sambil terus mempromosikan pelancongan tempatan.

"Saya percaya lebih ramai akan mengambil bahagian dalam acara larian jalan raya dengan cara yang lebih selamat pada masa hadapan. Sementara itu, perlumbaan jalan raya yang dikawal selia dengan lebih baik juga akan mempamerkan bandar-bandar Republik Rakyat China dengan lebih baik di pentas global," kata Zhang Hua. - ©XINHUA

Dari kedudukan tercorot, Hakim Danish bangkit kutip 3 mata di GP AS

KUALA LUMPUR, 30 Mac. - Pelumba Moto3 negara Muhammad Hakim Danish Ramli mempamerkan aksi memberangsangkan apabila mengutip tiga mata berharga selepas menamatkan perlumbaan di tempat ke-13 pada Grand Prix Amerika Syarikat (GP AS), awal pagi tadi.

Pelumba berusia 18 tahun negara itu

bermuladengan detik sukar dalam pusingan ketiga selepas terjatuh pada sesi kelayakan pertama (Q1), yang menyebabkan beliau terpaksa memulakan perlumbaan di petak ke-25.

Namun, pelumba pasukan AEON-Credit MT Helmets-MSi kelahiran Kuala Terengganu itu mempamerkan semangat juang yang tinggi serta tunggangan

konsisten dari kedudukan tercorot untuk memintas beberapa pelumba handalan sekali gus meletakkan dirinya dalam kelompok penamat pungan mata.

Perlumbaan dimenangi pelumba Itali Guido Pini (Leopard Racing), diikuti pendahulu kejuaraan Maximo Quiles (CFMOTO Valresa Aspar Team) di tempat kedua manakala Alvaro Carpe (Red Bull

KTM Ajo) melengkapkan podium.

Keputusan diperoleh di Litar Austin itu menyaksikan Hakim Danish kini mengumpul sembilan mata dan mengahuni tempat ke-14 daripada 27 pelumba dalam carta Kejuaraan Dunia Moto3.

Pelumba muda negara itu bakal meneruskan saingan pada GP Sepanyol di Litar Jerez pada 24 April ini. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

PUASA SUNAT ENAM HARI BULAN SYAWAL, SEOLAH-OLAH BERPUASA SEPANJANG TAHUN